

PERBANDINGAN KAEDAH PENGAJARAN BERASASKAN TEMA DENGAN
KAEDAH KONVENSIONAL DALAM PEMBELAJARAN KEFAHAMAN
MEMBACA BAHASA INGGERIS

SITI DAHLIA SAID

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

PERBANDINGAN KAEDAH PENGAJARAN BERASASKAN TEMA DENGAN
KAEDAH KONVENSIONAL DALAM PEMBELAJARAN KEFAHAMAN
MEMBACA BAHASA INGGERIS

SITI DAHLIA SAID

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi
syarat penganugerahan ijazah
Doktor Falsafah (Kurikulum dan Pengajaran)

Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia

OGOS 2017

DEDIKASI

Untuk suamiku yang tercinta dan terkasih atas kesabaran, dorongan dan sokongan sahir dan bathin serta menaruh sepenuh kepercayaan kepada diri ini sehingga memungkinkan tesis ini berjaya disiapkan sepenuhnya.

Untuk anakanda yang tersayang, semoga kejayaan ibu dalam pengajian ini boleh menjadi inspirasi kamu untuk berjaya dan cemerlang dunia akhirat

Teristimewa untuk ayahandaku Haji Andi Muhammad Said Pasrah dan ibundaku Hj. Buniang Bt Puang Rappe serta ibu mertua saya Sitti Farida Daeng Rifoji yang sentiasa mendoakan kejayaan, kebahagiaan, sokongan serta semangat secara berterusan dan tiada akhir.

PENGHARGAAN

Segala puji bagi Allah Subhana Wataala, Tuhan Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang. Setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan kepada-Nya, kerana dengan limpahan rahmat dan ridho-Nya maka kajian ini dapat disempurnakan. Selawat dan salam juga dipanjatkan ke atas junjungan besar Nabi Muhammad Sallallahu Waalaih Wasallam, seluruh ahli keluarga, serta sahabat beliau.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan jutaan terima kasih dirakamkan kepada penyelia saya, Prof. Madya. Dr. Ahmad Johari Bin Sihes, di atas kesungguhan dan keikhlasan memberi bimbingan, tunjuk ajar dan ilmu pengetahuan serta motivasi secara berterusan semasa penulisan tesis ijazah falsafah ini dengan jayanya. Penghargaan tidak terhingga turut dirakamkan kepada Prof. Madya Dr. Abdul Rahim Bin Hamdan dan Prof. Madya Dr. Mohd Hasani Dali atas penilaian, pandangan dan buah pikiran yang diberikan semasa sidang viva voce bagi penambahbaikan dan pemurnian kajian.

Ucapan berbilang terima juga diucapkan kepada Pejabat Pelesenan Perkhidmatan Bersepadu Provinsi Sulawesi Selatan, Pengetua Bidang Perhubungan antara Institusi Bandar Makassar dan Jabatan Pendidikan dan Budaya Bandar Makassar telah memberikan kebenaran menjalankan kajian ini di sekolah-sekolah. Penghargaan kepada pengetua-pengetua sekolah, murid-murid sekolah yang terlibat dan ibu bapa guru yang telah banyak membantu serta pihak pengurusan sekolah yang telah terlibat dalam menjayakan kajian ini. Jutaan terima kasih juga kepada semua kawan-kawan yang tidak mungkin saya sebutkan nama satu persatu dengan ikhlas di dalam membantu memberi nasihat dan tunjuk ajar yang berguna. Jasa dan keikhlasan membuat saya lebih menghargai hubungan sesama manusia.

ABSTRAK

Terdapat dua jenis kaedah pengajaran yang digunakan dalam pengajaran kefahaman membaca bahasa Inggeris, iaitu Terjemahan Tatabahasa (TT) sebagai kaedah pengajaran konvensional dan Pengajaran Berasaskan Tema (PBT) sebagai kaedah komunikatif. Penggunaan kandungan kurikulum berasaskan budaya tempatan sebagai sumber kandungan pengajaran yang digunakan dalam kedua-dua kaedah ini diandaikan dapat memudahkan kefahaman membaca bahasa Inggeris. Kajian ini membandingkan kaedah pengajaran TT dengan kaedah PBT untuk menentukan prestasi kefahaman membaca bahasa Inggeris. Selain itu, kajian ini juga mengenal pasti sumbangan kaedah PBT terhadap prestasi kefahaman membaca bahasa Inggeris dan masalah pelajar dalam pembelajaran kefahaman membaca bahasa Inggeris. Reka bentuk percubaan menggunakan kumpulan kawalan tidak serupa yang mana data kuantitatif diikuti dengan data kualitatif dikumpulkan untuk menjelaskan fenomena kajian secara berurutan. Sampel kajian terdiri daripada dua buah kelas pelajar daripada grad 9 di Sekolah Menengah Pertama Kebangsaan 13 Makassar. Sebuah kelas dijadikan kumpulan kawalan diajar menggunakan kaedah pengajaran TT dan sebuah kelas lagi sebagai kumpulan rawatan diajar menggunakan kaedah PBT. Instrumen untuk mendapatkan data kuantitatif ialah ujian prestasi mengenai kefahaman membaca bahasa Inggeris dan soal selidik mengenai sumbangan kaedah PBT ke arah kefahaman membaca bahasa Inggeris. Data kualitatif diperoleh melalui temubual separa berstruktur daripada kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan. Data kuantitatif dianalisis secara deskriptif dan inferensi, manakala data kualitatif dianalisis secara tematik. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kaedah PBT menghasilkan peningkatan pencapaian prestasi kefahaman membaca bahasa Inggeris pelajar lebih baik berbanding dengan kaedah pengajaran TT. Hasil analisis regresi linear berganda mendapati kaedah pengajaran berasaskan tema menyumbang sebanyak 91.6% terhadap prestasi kefahaman membaca bahasa Inggeris. Selain itu, hasil temubual menunjukkan bahawa masalah yang dihadapi oleh pelajar dalam pembelajaran kefahaman membaca bahasa Inggeris adalah perbendaharaan kosa kata terbatas, pengetahuan struktur, dan kesukaran dalam penyebutan perkataan. Berdasarkan penemuan ini, kajian ini telah membangunkan kerangka kerja untuk penambahbaikan kaedah pengajaran kefahaman membaca bahasa Inggeris yang dapat digunakan sebagai panduan dan rujukan oleh guru, sekolah, pihak berkuasa pendidikan tempatan dan fakulti pendidikan di universiti ataupun institusi latihan guru.

ABSTRACT

There are two kinds of instruction methods used in the teaching of English reading comprehension, namely Grammar Translation (GT) as a conventional instruction method and Theme-Based Instruction Method (TBI) as a communicative method. Use of local culture-based curriculum content as a source of instruction content incorporated in these two methods is assumed to be able to facilitate English reading comprehension. This study compared GT with TBI instruction method to determine students' English reading comprehension achievement. Besides, the study identified the contribution of TBI method towards English reading comprehension achievement and students' problems in the learning of English reading comprehension. An experimental design using nonequivalent control groups from which quantitative data followed by qualitative data were gathered to explain the phenomena of the study sequentially. Sample of the study comprised two classes of the students from grade nine at State JuniorP High School of Thirteen of Makassar. One class, the control group was taught using GT method and the other class, the treatment group was taught using the TBI method. Instruments to obtain the quantitative data were questions of performance about the groups' English reading comprehension, and questionnaires concerning contribution of TBI method towards English reading comprehension. Qualitative data were obtained through semi-structured interviews of the control and treatment groups. The quantitative data were analyzed descriptively and inferentially, while the qualitative data were analyzed thematically. Findings showed that the TBI method produced an increase in achievement and better performance of students' English reading comprehension compared with the conventional instruction method. Results of multiple linear regression found that the theme-based instruction method contributed 91.6% towards the students' English reading comprehension performance. Furthermore, interview results showed the problems that students have in the learning of English reading comprehension are limited vocabulary, knowledge of structure, and difficulty in pronunciation of the words. Based on the findings, this study has developed a framework for improvement of the teaching method of English reading comprehension which can be used as a guide and reference by teachers, schools, local education authorities and education faculties in universities or teacher training institutions.

SENARAI ISI KANDUNGAN

BAB	TAJUK	MUKA SURAT
	PENGAKUAN	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xiv
	SENARAI RAJAH	xxii
	SENARAI SINGKATAN DAN AKRONIM	xxiii
	SENARAI LAMPIRAN	xxv
1	PENDAHULUAN	1
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang	4
	1.3 Pernyataan Masalah	13
	1.4 Objektif Kajian	15
	1.5 Soalan Kajian	16
	1.6 Hipotesis Kajian	17
	1.7 Rasional Kajian	18
	1.8 Kepentingan Kajian	19
	1.9 Kerangka Teori Kajian	20
	1.9.1 Teori Pembelajaran Konstruktivisme (Piaget, 1967)	20

1.9.2	Kaedah Pengajaran Berasaskan Tema (Brinton, Snow & Wesche, 1989)	21
1.9.3	Kaedah Pengajaran Konvensional (Larsen-Freeman, 2000)	22
1.10	Kerangka Konsep Kajian	25
1.11	Batasan Kajian	26
1.12	Definisi Operasional	27
1.12.1	Teori Pembelajaran Konstruktivisme (Piaget, 1967)	27
1.12.2	Kaedah Pengajaran Berasaskan Tema	27
1.12.3	Kaedah Pengajaran Konvensional	30
1.12.4	Kefahaman Membaca Bahasa Inggeris	33
1.12.5	Masalah-Masalah Pelajar dalam Pengajaran Kefahaman Membaca Bahasa Inggeris	34
1.12.6	Prestasi Kefahaman Membaca Bahasa Inggeris	34
1.12.7	Sekolah Menengah Pertama Kebangsaan	35
1.12.8	Pelajar SMP	35
1.12.9	Kurikulum Tingkat Satuan Pendidikan	35
1.13	Penutup	36
2	TINJAUAN LITERATUR	37
2.1	Pengenalan	37
2.2	Sejarah Kurikulum Pengajaran Bahasa Inggeris di Indonesia	37
2.2.1	Kurikulum 1953	39
2.2.2	Kurikulum 1962	40
2.2.3	Kurikulum 1968	40
2.2.4	Kurikulum 1975	41
2.2.5	Kurikulum 1984	41
2.2.6	Kurikulum 1994	42
2.2.7	Kurikulum 2004	43
2.2.8	Kurikulum 2006	44
2.3	Kefahaman Membaca	45
2.3.1	Definisi Kefahaman Membaca	46
2.3.2	Strategi Kefahaman Membaca	49

2.4	Kaedah Pengajaran Berasaskan Kandungan	52
2.4.1	Kaedah Pengajaran Berasaskan Tema	53
2.4.2	Bukti Empirikal daripada Keberkesanan Kaedah Pengajaran Berasaskan Tema	60
2.5	Kaedah Pengajaran Konvensional	62
2.5.1	Kaedah Pengajaran Terjemahan Tatabahasa	62
2.5.2	Kaedah Pengajaran Langsung	65
2.5.3	Kaedah Pengajaran Audio Lingual	66
2.6	Kandungan Budaya Tempatan dalam Kaedah Pengajaran Berasaskan Tema dan Kaedah Pengajaran Konvensional	67
2.7	Teori Pembelajaran Konstruktivisme Piaget 1967	70
2.8	Penutup	74
3	METODOLOGI KAJIAN	75
3.1	Pengenalan	75
3.2	Reka Bentuk Kajian	75
3.3	Lokasi Kajian	78
3.4	Populasi Kajian	79
3.5	Sampel Kajian	80
3.6	Instrumen Kajian	81
3.6.1	Bahan Pembelajaran	81
3.6.2	Ujian Prestasi Kefahaman Membaca Bahasa Inggeris	84
3.6.3	Soal Selidik Sumbangan Kaedah Pengajaran Berasaskan Tema	85
3.6.4	Soalan Temubual Separa Berstruktur	86
3.7	Kajian Rintis	89
3.8	Kesahan Instrumen Kajian	91
3.8.1	Kesahan Bahan Pembelajaran	92
3.8.2	Kesahan Ujian Prestasi Kefahaman Membaca Bahasa Inggeris	92
3.8.3	Kesahan Soal Selidik Sumbangan Kaedah Pengajaran Berasaskan Tema	97
3.8.4	Kesahan Soalan Temubual Separa Berstruktur	99

3.9	Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	100
3.9.1	Kebolehpercayaan Ujian Prestasi Kefahaman Membaca Bahasa Inggeris	101
3.9.2	Kebolehpercayaan Soal Selidik Sumbangan Kaedah Pengajaran Berasaskan Tema	101
3.9.3	Kebolehpercayaan Soalan Temubual Separa Berstruktur	101
3.10	Prosedur Pengumpulan Data	102
3.10.1	Pelaksanaan Ujian Pra Prestasi Kefahaman Membaca Bahasa Inggeris	102
3.10.2	Pelaksanaan Eksperimen Pengajaran Kefahaman Membaca Bahasa Inggeris	102
3.10.3	Pelaksanaan Ujian Pos Prestasi Kefahaman Membaca Bahasa Inggeris	113
3.10.4	Pelaksanaan Soal Selidik Sumbangan Kaedah Pengajaran Berasaskan Tema	114
3.10.5	Pelaksanaan Temubual Separa Berstruktur	114
3.11.	Teknik Analisis Data Deskriptif	115
3.12.	Teknik Analisis Data Inferensi	116
3.12.1.	Ujian-T Sampel Bersandar (<i>Dependent Sample T-Test</i>)	117
3.12.2.	Ujian-T Sampel Bebas (<i>Independent Sample T-Test</i>)	118
3.12.3.	Analisis Regresi Berganda (<i>Multiple Regression Analysis</i>)	118
3.13.	Teknik Analisis Kandungan Data Temubual Separa Berstruktur	122
3.14.	Penutup	133
4	ANALISIS DATA DAN KEPUTUSAN KAJIAN	134
4.1	Pengenalan	134
4.2	Demografi Responden Kajian	135
4.2.1.	Demografi Responden Eksperimen	135
4.2.2.	Demografi Responden Temubual	136

4.3	Dapatan Kajian Kuantitatif	137
4.3.1	Tahap Prestasi Semasa (Ujian Pra) Kefahaman Membaca Bahasa Inggeris bagi Pelajar Kumpulan Kawalan	138
4.3.2	Tahap Prestasi Semasa (Ujian Pra) Kefahaman Membaca Bahasa Inggeris bagi Pelajar Kumpulan Rawatan	142
4.3.3	Tahap Prestasi (Ujian Pos) Kefahaman Membaca Bahasa Inggeris bagi Pelajar Kumpulan Kawalan	145
4.3.4	Tahap Prestasi (Ujian Pos) Kefahaman Membaca Bahasa Inggeris bagi Pelajar Kumpulan Rawatan	149
4.3.5	Perbezaan Tahap Prestasi Ujian Pra dan Ujian Pos Kefahaman Membaca Bahasa Inggeris bagi Pelajar Kumpulan Kawalan	154
4.3.6	Perbezaan Tahap Prestasi Ujian Pra dan Ujian Pos Kefahaman Membaca Bahasa Inggeris bagi Pelajar Kumpulan Rawatan	158
4.3.7	Perbezaan Tahap Prestasi Ujian Pra Kefahaman Membaca Bahasa Inggeris bagi Pelajar Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Rawatan	163
4.3.8	Perbezaan Tahap Prestasi Ujian Pos Kefahaman Membaca Bahasa Inggeris bagi Pelajar Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Rawatan	167
4.3.9	Sumbangan Kaedah Pengajaran Berasaskan Tema dalam Pembelajaran Kefahaman Membaca Bahasa Inggeris dalam Kalangan Pelajar	172
4.4	Dapatan Kajian Kualitatif	176
4.4.1	Masalah-Masalah dalam Pembelajaran Kefahaman Membaca Bahasa Inggeris bagi Pelajar Kumpulan Kawalan	177
4.4.2	Masalah-Masalah dalam Pembelajaran Kefahaman Membaca Bahasa Inggeris bagi Pelajar Kumpulan Rawatan	182

4.5	Penutup	188
5	RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN	189
5.1	Pengenalan	189
5.2	Rumusan	190
5.3	Perbincangan	192
5.3.1	Prestasi Semasa (Ujian Pra) Kefahaman Membaca Bahasa Inggeris bagi Kumpulan Pelajar yang Diajar Menggunakan Kaedah Pengajaran Konvensional (Kumpulan Kawalan)	193
5.3.2	Prestasi Semasa (Ujian Pra) Kefahaman Membaca Bahasa Inggeris bagi Kumpulan Pelajar yang Diajar Menggunakan Kaedah Pengajaran PBT (Kumpulan Rawatan)	194
5.3.3	Prestasi (Ujian Pos) Kefahaman Membaca Bahasa Inggeris bagi Kumpulan Pelajar yang Diajar Menggunakan Kaedah Pengajaran Konvensional (Kumpulan Kawalan)	195
5.3.4	Prestasi (Ujian Pos) Kefahaman Membaca Bahasa Inggeris bagi Kumpulan Pelajar yang Diajar Menggunakan Kaedah Pengajaran PBT (Kumpulan Rawatan)	197
5.3.5	Perbandingan Prestasi Ujian Pra dengan Ujian Pos Kefahaman Membaca Bahasa Inggeris bagi Pelajar daripada Kumpulan Kawalan	199
5.3.6	Perbandingan Prestasi Ujian Pra dengan Ujian Pos Kefahaman Membaca Bahasa Inggeris bagi Pelajar daripada Kumpulan Rawatan	201
5.3.7	Perbandingan Prestasi Ujian Pra Kefahaman Membaca Bahasa Inggeris bagi Pelajar daripada Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Rawatan	202

5.3.8	Perbandingan Prestasi Ujian Pos Kefahaman Membaca Bahasa Inggeris bagi Pelajar daripada Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Rawatan	204
5.3.9	Masalah-Masalah Pelajar dalam Pembelajaran Kefahaman membaca bahasa Inggeris	209
5.3.10	Sumbangan Kaedah Pengajaran Berasaskan Tema dalam Pembelajaran Kefahaman Membaca Bahasa Inggeris dalam Kalangan Pelajar	214
5.4	Cadangan Pelaksanaan Kaedah Pengajaran Berasaskan Tema dalam Pengajaran Kefahaman Membaca Bahasa Inggeris	217
5.5	Implikasi Kajian	219
5.6	Cadangan untuk Kajian Masa Hadapan	221
5.7	Penutup	222
	RUJUKAN	224
	Lampiran A - F	246-325

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
2.1	Kronologi Kurikulum Bahasa Inggeris di Sekolah Menengah Pertama di Indonesia	39
3.1	Senarai Purata Markah Kefahaman Membaca Bahasa Inggeris untuk Pelajar Kelas 9 ₁ sehingga Kelas 9 ₉ di SMP Kebangsaan 13 Makassar	79
3.2	Tema Budaya Tempatan Makassar	83
3.3	Taburan Item-Item Ujian Prestasi Kefahaman Membaca Bahasa Inggeris	84
3.4	Taburan Item-Item Soal Selidik Sumbangan Kaedah Pengajaran Berasaskan Tema	85
3.5	Taburan Item-Item Soalan Temubual Separa Berstruktur untuk Kumpulan Kawalan	86
3.6	Taburan Item-Item Soalan Temubual Separa Berstruktur untuk Kumpulan Rawatan	88
3.7	Penambahbaikan Kesahan Kandungan daripada Instrumen Ujian Prestasi kefahaman Membaca Bahasa Inggeris	93
3.8	Hasil Analisis Kesahan Konstruk Instrumen Ujian Prestasi Kefahaman Membaca Bahasa Inggeris	95
3.9	Penambahbaikan Struktur Ayat dan Pemilihan Penggunaan Perkataan daripada Soal Selidik Sumbangan Kaedah Pengajaran Berasaskan Tema	97
3.10	Nilai <i>Corrected Item-Total Correlation</i> daripada Instrumen Soal Selidik Sumbangan Kaedah Pengajaran Berasaskan Tema	98

3.11	Masa Pelaksanaan Eksperimen Pengajaran Kefahaman Membaca Bahasa Inggeris dalam Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Rawatan	103
3.12	Kategori Markah Ujian Pra dan Ujian Pos Kefahaman Membaca Bahasa Inggeris Pelajar daripada Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Rawatan	116
3.13	Tafsiran Sumbangan Pembolehubah Bebas Kepada Pembolehubah Bersandar	119
3.14	Nilai Signifikan Kelinearan dan Sisihan daripada Kelinearan Pembolehubah bebas Kepada Pembolehubah Bersandar	120
3.15	Hasil Analisis Andaian Normaliti Pembolehubah Residual dalam Ujian-T Sampel Bersandar dan Ujian-T Sampel Bebas	121
3.16	Hasil Analisis Andaian Normaliti Data daripada Pembolehubah Residual dalam Ujian Regresi Linear Berganda	121
3.17	Contoh Transkripsi Data Temubual	124
3.18	Contoh Penonjolan Ayat	125
3.19	Contoh Pemisahan Maklumat Penting	126
3.20	Contoh Pembinaan Kategori Data Temubual	128
3.21	Contoh Pembentukan Tema	129
3.22	Dapatan Tema Kajian	130
3.23	Tata Cara Penganalisan Soalan Kajian	131
4.1	Demografi Responden Kajian Eksperimen	135
4.2	Demografi Responden Temubual Kumpulan Kawalan (Kelas 9 ₂)	136
4.3	Demografi Responden Temubual Kumpulan Rawatan (Kelas 9 ₃)	137
4.4	Tahap Prestasi Semasa (Ujian Pra) pada Elemen Idea Utama daripada Kefahaman Membaca Bahasa Inggeris bagi Pelajar Kumpulan Kawalan	138

4.5	Tahap Prestasi Semasa (Ujian Pra) pada Elemen Ayat Sokongan daripada Kefahaman Membaca Bahasa Inggeris bagi Pelajar Kumpulan Kawalan	139
4.6	Tahap Prestasi Semasa (Ujian Pra) pada Elemen Perbendaharaan Kata dalam Konteks Ayat daripada Kefahaman Membaca Bahasa Inggeris bagi Pelajar Kumpulan Kawalan	140
4.7	Tahap Prestasi Semasa (Ujian Pra) pada Elemen Rujukan kata daripada Kefahaman Membaca Bahasa Inggeris bagi Pelajar Kumpulan Kawalan	141
4.8	Tahap Keseluruhan Prestasi Semasa (Ujian Pra) Kefahaman Membaca Bahasa Inggeris bagi Pelajar Kumpulan Kawalan	141
4.9	Tahap Prestasi Semasa (Ujian Pra) pada Elemen Idea Utama daripada Kefahaman Membaca Bahasa Inggeris bagi Pelajar Kumpulan Rawatan	142
4.10	Tahap Prestasi Semasa (Ujian Pra) pada Elemen Ayat Sokongan daripada Kefahaman Membaca Bahasa Inggeris bagi Pelajar Kumpulan Rawatan	143
4.11	Tahap Prestasi Semasa (Ujian Pra) pada Elemen Perbendaharaan Kata dalam Konteks Ayat daripada Kefahaman Membaca Bahasa Inggeris bagi Pelajar Kumpulan Rawatan	144
4.12	Tahap Prestasi Semasa (Ujian Pra) pada Elemen Rujukan Kata daripada Kefahaman Membaca Bahasa Inggeris bagi Pelajar Kumpulan Rawatan	144
4.13	Tahap Keseluruhan Prestasi Semasa (Ujian Pra) daripada Kefahaman Membaca Bahasa Inggeris bagi Pelajar Kumpulan Rawatan	145
4.14	Tahap Prestasi (Ujian Pos) pada Elemen Idea Utama daripada Kefahaman Membaca Bahasa Inggeris bagi Pelajar Kumpulan Kawalan	146

4.15	Tahap Prestasi (Ujian Pos) pada Elemen Ayat Sokongan daripada Kefahaman Membaca Bahasa Inggeris bagi Pelajar Kumpulan Kawalan	147
4.16	Tahap Prestasi (Ujian Pos) pada Elemen Perbendaharaan Kata dalam Konteks Ayat daripada Kefahaman Membaca Bahasa Inggeris bagi Pelajar Kumpulan Kawalan	148
4.17	Tahap Prestasi (Ujian Pos) pada Elemen Rujukan Kata daripada Kefahaman Membaca Bahasa Inggeris bagi Pelajar Kumpulan Kawalan	148
4.18	Tahap Keseluruhan Prestasi (Ujian Pos) Kefahaman Membaca Bahasa Inggeris bagi Pelajar Kumpulan Kawalan	149
4.19	Tahap Prestasi (Ujian Pos) pada Elemen Idea Utama daripada Kefahaman Membaca Bahasa Inggeris bagi Pelajar Kumpulan Rawatan	150
4.20	Tahap Prestasi (Ujian Pos) pada Elemen Ayat Sokongan daripada Kefahaman Membaca Bahasa Inggeris bagi Pelajaran Kumpulan Rawatan	151
4.21	Tahap Prestasi (Ujian Pos) pada Elemen Perbendaharaan Kata dalam Konteks Ayat daripada Kefahaman Membaca Bahasa Inggeris bagi Pelajar Kumpulan Rawatan	151
4.22	Tahap Prestasi (Ujian Pos) pada Elemen Rujukan Kata daripada Kefahaman Membaca Bahasa Inggeris bagi Pelajar Kumpulan Rawatan	152
4.23	Tahap Keseluruhan Prestasi (Ujian Pos) Kefahaman Membaca Bahasa Inggeris bagi Pelajar Kumpulan Rawatan	153
4.24	Rumusan Min Skor Setiap Elemen dan Keseluruhan Prestasi Ujian Pra dan Ujian Pos Kefahaman Membaca Bahasa Inggeris bagi Pelajar dalam Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Rawatan	154

4.25	Perbezaan Tahap Prestasi Ujian Pra dan Ujian Pos pada Elemen Idea Utama daripada Kefahaman Membaca Bahasa Inggeris bagi Pelajar Kumpulan Kawalan	155
4.26	Perbezaan Tahap Prestasi Ujian Pra dan Ujian Pos pada Elemen Ayat Sokongan daripada Kefahaman Membaca Bahasa Inggeris bagi Pelajar Kumpulan Kawalan	156
4.27	Perbezaan Tahap Prestasi Ujian Pra dan Ujian Pos pada Elemen Perbendaharaan Kata dalam Konteks Ayat daripada Kefahaman Membaca Bahasa Inggeris bagi Pelajar Kumpulan Kawalan	156
4.28	Perbezaan Tahap Prestasi Ujian Pra dan Ujian Pos pada Elemen Rujukan Kata daripada Kefahaman Membaca Bahasa Inggeris bagi Pelajar Kumpulan Kawalan	157
4.29	Perbezaan Keseluruhan Tahap Prestasi Ujian Pra dan Ujian Pos daripada Kefahaman Membaca Bahasa Inggeris bagi Pelajar Kumpulan Kawalan	158
4.30	Perbezaan Tahap Prestasi Ujian Pra dan Ujian Pos pada Elemen Idea Utama daripada Kefahaman Membaca Bahasa Inggeris bagi Pelajar Kumpulan Rawatan	159
4.31	Perbezaan Tahap Prestasi Ujian Pra dan Ujian Pos pada Elemen Ayat Sokongan daripada Kefahaman Membaca Bahasa Inggeris bagi Pelajar Kumpulan Rawatan	160
4.32	Perbezaan Tahap Prestasi Ujian Pra dan Ujian Pos pada Elemen Perbendaharaan Kata dalam Konteks Ayat daripada Kefahaman Membaca Bahasa Inggeris bagi Pelajar Kumpulan Rawatan	160
4.33	Perbezaan Tahap Prestasi Ujian Pra dan Ujian Pos pada Elemen Rujukan Kata daripada Kefahaman	

	Membaca Bahasa Inggeris bagi Pelajar Kumpulan Rawatan	161
4.34	Perbezaan Keseluruhan Tahap Prestasi Ujian Pra dan Ujian Pos Kefahaman Membaca Bahasa Inggeris bagi Pelajar Kumpulan Rawatan	161
4.35	Rumusan Min Skor dan Hasil Ujian-t Sampel Bersandar Setiap Elemen dan Keseluruhan Tahap Prestasi Ujian Pra dan Ujian Pos Kefahaman Membaca Bahasa Inggeris bagi Pelajar Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Rawatan	162
4.36	Perbezaan Tahap Prestasi Ujian Pra pada Elemen Idea Utama daripada Kefahaman Membaca Bahasa Inggeris bagi Pelajar Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Rawatan	163
4.37	Perbezaan Tahap Prestasi Ujian Pra pada Elemen Ayat Sokongan daripada Kefahaman Membaca Bahasa Inggeris bagi Pelajar Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Rawatan	164
4.38	Perbezaan Tahap Prestasi Ujian Pra pada Elemen Perbendaharaan Kata dalam Konteks Ayat daripada Kefahaman Membaca Bahasa Inggeris bagi Pelajar Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Rawatan	165
4.39	Perbezaan Tahap Prestasi Ujian Pra pada Elemen Rujukan Kata daripada Kefahaman Membaca Bahasa Inggeris bagi Pelajar Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Rawatan	166
4.40	Perbezaan Keseluruhan Tahap Prestasi Ujian Pra daripada Kefahaman Membaca Bahasa Inggeris bagi Pelajar Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Rawatan	166
4.41	Rumusan Min Skor dan Hasil Ujian-t Sampel Bebas Setiap Elemen dan Keseluruhan Tahap Prestasi Ujian Pra Kefahaman Membaca Bahasa Inggeris bagi Pelajar Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Rawatan	167

4.42	Perbezaan Tahap Prestasi Ujian Pos pada Elemen Idea Utama daripada Kefahaman Membaca Bahasa Inggeris bagi Pelajar Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Rawatan	168
4.43	Perbezaan Tahap Prestasi Ujian Pos pada Elemen Ayat Sokongan daripada Kefahaman Membaca Bahasa Inggeris bagi Pelajar Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Rawatan	169
4.44	Perbezaan Tahap Prestasi Ujian Pos pada Elemen Perbendaharaan Kata dalam Konteks Ayat daripada Kefahaman Membaca Bahasa Inggeris bagi Pelajar Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Rawatan	169
4.45	Perbezaan Tahap Prestasi Ujian Pos pada Elemen Rujukan Kata daripada Kefahaman Membaca Bahasa Inggeris bagi Pelajar Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Rawatan	170
4.46	Perbezaan Keseluruhan Tahap Prestasi Ujian Pos daripada Kefahaman Membaca Bahasa Inggeris bagi Pelajar Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Rawatan	170
4.47	Rumusan Min Skor dan Hasil Ujian-t Sampel Bebas Setiap Elemen dan Keseluruhan Tahap Prestasi Ujian Pos Kefahaman Membaca Bahasa Inggeris bagi Pelajar dalam Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Rawatan	171
4.48	Hasil Regresi Linear Berganda Pengajaran Kefahaman Membaca Bahasa Inggeris Menggunakan Sub Pembolehubah Bebas Secara Serentak daripada Kaedah Pengajaran PBT	172
4.49	Model Regresi Linear Berganda Pengajaran Kefahaman Membaca bahasa Inggeris menggunakan Sub Pembolehubah BTM dan TB daripada Pembolehubah Bebas Kaedah Pengajaran PBT	174

4.50	Analisis ANOVA Model Regresi Linear Berganda Pengajaran Kefahaman Membaca bahasa Inggeris menggunakan Sub Pembolehubah BTM dan TB daripada Pembolehubah Bebas Kaedah Pengajaran PBT	174
4.51	Pekali Regresi Linear Berganda Kefahaman Membaca Bahasa Inggeris Menggunakan Sub Pembolehubah TB dan BTM daripada Pembolehubah Bebas Kaedah Pengajaran PBT	175
4.52	Masalah-Masalah Pelajar dalam Pembelajaran Kefahaman Membaca Bahasa Inggeris	187

SENARAI RAJAH

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Kerangka Teori Kajian	24
1.2	Kerangka Konsep Kajian	25
3.1	Proses Kajian Reka Bentuk Penjelasan Berurutan	76
3.2	Reka Bentuk Kumpulan Kawalan Tidak Serupa	76
4.1	Sumbangan Kaedah Pengajaran PBT dalam Pembelajaran Kefahaman Membaca Bahasa Inggeris	176
5.1	Penambahbaikan Kaedah Pengajaran Kefahaman membaca bahasa Inggeris	219

SENARAI SINGKATAN DAN AKRONIM

ANOVA	- <i>Analysis of Variance</i>
BMB	- Bentuk dan Makna Bahasa
BP	- Bahan Pelajaran
BSNP	- Badan Standar Nasional Pendidikan
BTM	- Budaya Tempatan Makassar
CBI	- <i>Content-Based Instruction</i>
CI	- <i>Comprehensible Input</i>
Depdiknas	- Departemen Pendidikan Nasional
Depdikbud	- Departemen Pendidikan dan Kebudayaan
DF	- <i>Degree of Freedom</i>
EFL	- <i>English Foreign Language</i>
FL	- <i>Foreign Language</i>
GT	- <i>Grammar Translation</i>
HB	- Hari Bulan
KB	- Kemahiran Bersepadu
KBK	- Kurikulum Berasas Kecekapan
Kemendiknas	- Kementerian Pendidikan Nasional
KTSP	- Kurikulum Tingkat Satuan Pendidikan
NSC	- <i>New Style Curriculum</i>
OECD	- <i>Organization of economic Co-operation & Development</i>
OSC	- <i>Old Style Curriculum</i>
PBT	- Pengajaran Berasaskan Tema
PBK	- Pengajaran Berasaskan Kandungan
PISA	- <i>Programme Internationale for Student Assessment</i>
PKMBI	- Prestasi Kefahaman Membaca Bahasa Inggeris

P & P	- Pengajaran dan Pembelajaran
RPP	- Rancangan Pelaksanaan Pengajaran
SBC	- <i>School-Based Curriculum</i>
SD	- Sekolah Dasar
SL	- <i>Second Language</i>
SLTP	- Sekolah Lanjutan Tingkat Pertama
SLTA	- Sekolah Lanjutan Tingkat Atas
SMA	- Sekolah Menengah Atas
SMA N	- Sekolah Menengah Atas Negeri
SMP	- Sekolah Menengah Pertama
SPP	- Soalan Pelbagai Pilihan
STAIN	- Sekolah Tinggi Agama Islam Negeri
TBI	- <i>Theme-Based Instruction</i>
TB	- Teks Bacaan
TT	- Terjemahan Tatabahasa

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
A	Bahan Pembelajaran	246
A.1	Bahan Pembelajaran dan Rancangan Pelaksanaan Pengajaran dengan Menggunakan Kaedah Pengajaran Konvensional	246
A.2	Bahan Pembelajaran dan Rancangan Pelaksanaan Pengajaran dengan Menggunakan Kaedah Pengajaran Berasaskan Tema	275
B	Ujian Prestasi Kefahaman Membaca Bahasa Inggeris	296
C	Soal Selidik Sumbangan Kaedah Pengajaran Berasaskan Tema	308
D	Temubual Separa Berstruktur	313
E	Borang Pengesahan Pakar	318
F	Surat Kebenaran Penyelidikan	321

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Tujuan pendidikan nasional Indonesia adalah membangunkan kemampuan dan membina watak serta peradaban bangsa yang bermartabat dalam kerangka mencerdaskan kehidupan bangsa yang bertujuan untuk membangun pelajar yang bertakwa dan beriman kepada Tuhan Yang Maha Esa, berakhlak mulia, sihat jasmani dan rohani, berilmu, berkemahiran, kreatif dan menjadi warga negara yang bertanggung jawab.

Bahasa Inggeris sebagai bahasa antara bangsa merupakan salah satu bahasa yang penting untuk dikenali di masa sekarang ini. Ia digunakan secara luas dalam pelbagai bidang seperti politik, diplomasi, perdagangan antara bangsa dan industri, perdagangan, sains dan teknologi, pendidikan, media, teknologi maklumat, dan budaya popular. Oleh itu, keputusan kerajaan Indonesia pusat menyepadukan bahasa Inggeris ke dalam kurikulum pendidikan Indonesia adalah munasabah bagi Indonesia untuk menyediakan generasi masa hadapan untuk berinteraksi dengan masyarakat di peringkat global (antara bangsa) dan menyokong pembangunan generasi masa hadapan Indonesia (Alwasilah, 2001).

Perubahan kurikulum yang dijalankan oleh kerajaan Indonesia tentu disertai juga dengan perubahan pendekatan atau kaedah pengajaran. Kaedah pengajaran merupakan salah satu komponen penting dalam kurikulum bahasa Inggeris. Ia menjadi aspek penting bagi pencapaian kejayaan pengajaran dan pembelajaran (P &

P) bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua (Second Language (SL)) dan bahasa asing (Foreign Language (FL)). Kaedah pengajaran mengandungi hakikat pembelajaran bahasa yang mempunyai fungsi sebagai punca utama daripada amalan dan prinsip dalam pengajaran bahasa (Richards & Rodgers, 2001; 2014).

Sejak tahun 1950 sifat daripada sistem pendidikan Indonesia yang bertumpu kepada kerajaan pusat bermatlamat bagi mengendalikan sistem pendidikan bagi seluruh negara membuat pengajaran dan pembelajaran (P & P) kepada semua mata pelajaran wajib dijalankan mengikut panduan daripada kurikulum kebangsaan seragam (Soedijarto, 1979). Dalam pelajaran bahasa Inggeris, kaedah terjemahan tatabahasa (TT) sebagai kaedah pengajaran konvensional telah ditetapkan oleh kerajaan pusat Indonesia menjadi wajib digunakan dalam proses P & P diseluruh peringkat sekolah menengah pertama sejak tahun 1953 sehingga tahun 1975. Amnya kaedah ini bermatlamat untuk meningkatkan keupayaan bahasa Inggeris pelajar dengan bertumpu kepada kemahiran membaca, khasnya pelajar boleh membaca buku teks yang bertuliskan bahasa Inggeris (Kasihani, 2000).

Pada tahun 1984 sehingga tahun 2004, kerajaan Indonesia kemudian menetapkan kaedah komunikatif dalam kurikulum kebangsaan sebagai kaedah seragam yang mesti digunakan guru dalam memaklumkan bahan pelajaran, dengan meletakkan pelajar sebagai tumpuan utama dalam proses P & P. Ertinya bahawa hujah ini menekankan kepada guru untuk menggunakan kaedah komunikatif di dalam menjalankan proses P & P bilik darjah. Tetapi harapan daripada hujah ini hanya merupakan slogan sahaja (harapan tidak nyata) kerana ramai guru bergantung kepada buku teks yang mengandungi bahan pelajaran disusun berdasarkan kepada kaedah pengajaran yang bertumpu semata-mata kepada struktur tatabahasa (Hamied, 1997; Supriadi, 2000).

Terdapat beberapa kaedah pengajaran bahasa Inggeris yang telah digunakan sehingga sekarang di Indonesia, di antaranya kaedah terjemahan tatabahasa (TT), kaedah langsung, kaedah bahasa audio, dan kaedah komunikatif. Walaupun demikian, kaedah-kaedah berkenaan belum memberikan hasil yang baik kerana keupayaan membaca pelajar masih rendah. Mengikut Organization of Economic Co-

operation & Development (OECD) (2014) bahawa keupayaan literasi membaca bagi pelajar Indonesia yang berusia 15 tahun (pelajar kelas 7 SMP) berdasarkan hasil program penilaian pelajar antara negara (PISA) pada tahun 2012 yang dilaksanakan oleh OECD (Organization of Economic Co-operation & Development) adalah masih wujud dalam peringkat 1b dengan nilai purata 396 bermakna pelajar Indonesia hanya boleh menjawab soalan yang memerlukan maklumat yang dinyatakan dengan jelas dalam teks bacaan sahaja.

Seiring dengan huraian di atas, guru perlu menggunakan kaedah pengajaran komunikatif yang boleh meningkatkan keupayaan kefahaman membaca pelajar dengan lebih baik. Mengikut Badan Standar Nasional Pendidikan (BSNP) (2006) bahawa dalam Kurikulum Tingkat Satuan Pendidikan (KTSP) atau kurikulum 2006, pelaksanaan kurikulum diserahkan sepenuhnya kepada sekolah melibatkan pengetua, guru, pegawai pentadbiran, tidak ada campur tangan daripada jabatan pendidikan nasional atau kementerian pendidikan nasional. Antara kaedah pengajaran komunikatif, pengkaji memilih kaedah PBT bagi mempelbagaikan penggunaan kaedah pengajaran yang bertumpu kepada pembelajaran berkumpulan.

Brinton, Snow, dan Wesche (1989; 2003) menyatakan bahawa kaedah pengajaran ialah kaedah yang memberi peluang kepada guru untuk mengajar kandungan dengan bahasa secara bersama-sama dengan matlamat utama bagi peningkatan keupayaan bahasa Inggeris pelajar. Seterusnya, antara keempat-empat kemahiran bahasa Inggeris, membaca sentiasa menjadi tumpuan di setiap perubahan kurikulum bahasa Inggeris di Indonesia. Kemahiran berkenaan lebih diutamakan diajar pada peringkat sekolah menengah pertama (SMP), seperti mana bentuk ujian butiran pada peperiksaan kebangsaan yang sentiasa memberi tumpuan kepada kefahaman membaca (Lie, 2007; Madya, 2007).

Kajian ini bertujuan membandingkan kaedah pengajaran berasaskan tema (kaedah PBT) dengan kaedah konvensional [Terjemahan Tatabahasa(TT)] dalam pembelajaran kefahaman membaca bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar kelas 9 di sekolah menengah pertama (SMP).

1.2 Latar Belakang Masalah

Kedudukan kurikulum dalam P & P sangat penting kerana kurikulum merupakan panduan untuk mencapai tujuan pendidikan. Mengikut Undang-Undang Nomor 20 tahun 2003 tentang sistem pendidikan kebangsaan Indonesia disebutkan bahawa kurikulum berfungsi untuk membangunkan keupayaan dan membina watak dan tamadun negara yang berrmaruah dalam konteks yang membuat bijak kehidupan negara. Oleh itu, penyepaduan bahasa Inggeris ke dalam kurikulum pendidikan Indonesia merupakan salah satu cara bagi meningkatkan kualiti pengetahuan dan keupayaan kemahiran bahasa Inggeris pelajar, juga menjadi laluan bagi pencapaian matlamat pendidikan kebangsaan Indonesia.

Kurikulum boleh berubah atau mengalami penambahbaikan selaras dengan perkembangan dan tuntutan zaman, supaya kurikulum berkenaan boleh merujuk kepada kemajuan dalam teknologi dan pengetahuan. Di Indonesia, perubahan kurikulum sentiasa dijalankan oleh kerajaan Indonesia kerana akibat logik daripada perubahan sistem politik, sosial budaya, ekonomi, dan ilmu pengetahuan dan teknologi dalam kalangan masyarakat negara Indonesia (Ilma & Pratama, 2015). Seterusnya, kaedah-kaedah pengajaran dalam sukatan pelajaran yang berdasarkan perubahan kurikulum tersebut juga mengalami perubahan sesuai dengan perubahan nilai kehidupan yang wujud pada setiap masa berkenaan (Kasihani, 2000). Namun demikian, perubahan-perubahan kurikulum tersebut dijalankan untuk mencapai matlamat pengajaran dan pembelajaran yang telah ditetapkan dalam kurikulum, kerana kurikulum itu sendiri mengandungi hasil P & P yang telah direncanakan (Morris & Adamson, 2010).

Kaedah pengajaran Terjemahan Tatabahasa (TT) atau dalam bahasa Inggeris dipanggil *Grammar Translation (GT) Method* adalah kaedah pengajaran kebangsaan yang digunakan dalam kurikulum 1953, 1962, 1968, dan 1975 pada proses P & P di peringkat sekolah menengah pertama (SMP) dengan matlamat untuk meningkatkan keupayaan pelajar untuk membaca buku teks bertulis dalam bahasa Inggeris (Komaria, 1998). Dalam sistem pendidikan Indonesia yang berpandukan kerajaan pusat (semua peraturan pelaksanaan pendidikan republik Indonesia ditentukan oleh

kerajaan pusat) membuat kaedah pengajaran TT ini sebagai kaedah pengajaran kebangsaan seragam yang mesti digunakan dalam proses P & P oleh semua guru pada peringkat sekolah berkenaan.

Kaedah pengajaran TT, amnya, memerlukan pelajar untuk menterjemahkan keseluruhan perkataan teks, menghafal pelbagai peraturan tatabahasa dan senarai makna perbendaharaan kata daripada bahasa sasaran ke dalam bahasa kebangsaan di mana kaedah ini digunakan (Larsen-Freeman, 2000; Richards & Rodgers, 2014; Asl, 2015). Pelajar boleh merasa bosan belajar menerusi kaedah pengajaran TT kerana dalam proses P & P pelajar hanya mendengar dan mengambil nota daripada penerangan guru sahaja sambil mendengar guru membentangkan peraturan struktur ayat disertai dengan contoh ayat. Penggunaan bahasa sasaran sangat kurang dan pelajar diajar dalam bahasa kebangsaan (bahasa ibunda). Pengajaran bertumpu kepada guru dan aktiviti pelajar kebanyakannya hanya akan memberi tumpuan kepada peraturan struktur ayat (struktur bahasa) daripada mengamalkan peraturan itu sendiri (Prastyo, 2015; Asl, 2015).

Walau bagaimanapun, kaedah pengajaran TT mempunyai kelebihan untuk pengajaran dan pembelajaran bahasa, terutamanya dalam pengajaran tatabahasa yang memberi tumpuan kepada ketepatan (*accuracy*) (Larsen-Freeman, 2000). Belajar bahasa Inggeris dengan struktur tatabahasa yang tepat adalah sangat penting terutamanya untuk membaca, kerana struktur tatabahasa yang tepat (ketepatan) boleh membantu pelajar memahami pembinaan ayat dalam teks. Seterusnya, ketepatan juga membantu pelajar memahami teks menerusi pengenalan pasti ayat seperti kata benda penentu (noun determiner), kata kerja menurut waktu (tenses), dan lainnya (Prastyo, 2015).

Belajar bahasa Inggeris melibatkan belajar membaca. Oleh itu, membaca adalah juga matlamat pembelajaran bahasa. Ertinya bahawa pembelajaran bahasa adalah bukan sahaja untuk berkomunikasi tetapi juga untuk membaca. Dengan menguasai peraturan tatabahasa menerusi kaedah pengajaran TT pelajar boleh membaca dan dengan mudah memahami teks dengan mengenal pasti struktur ayat dalam teks (Zainudin, 2011).

Seterusnya, berdasarkan pembangunan ilmu pengetahuan dan teknologi di era globalisasi menunjukkan bahawa keupayaan menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa komunikasi sama ada dalam konteks lisan mahupun dalam konteks bertulis adalah sangat penting. Mengikut Depdiknas (2004), bahasa merupakan kunci penentu bagi pencapaian kejayaan dalam belajar semua pelajaran. Ia boleh membantu pelajar dalam membangunkan dirinya secara intelektual, sosial, dan emosi apabila pelajar tersebut mempunyai keupayaan menggunakan bahasa dengan baik. Richards (2006) menegaskan bahawa dalam bahasa Inggeris, penggunaan bahasa yang baik adalah dengan melibatkan kedua-dua ketepatan dan kefasihan.

Seiring dengan perkara tersebut di atas, penggunaan kaedah pengajaran TT sebagai kaedah pengajaran kebangsaan ditukarkan dengan kaedah komunikatif dalam kurikulum 1984 dan 1994, dan digunakan sebagai kaedah kebangsaan seragam berdasarkan sistem pendidikan di Indonesia yang bersifat pemusatan (Komaria, 1998; Bire, 2003). Seterusnya, tumpuan kemahiran dalam proses P & P di dalam kedua-dua kurikulum ini adalah membaca, menyimak, bertutur, dan menulis (Komaria, 1998).

Walaupun demikian, kedua-dua kurikulum berkenaan di atas bertujuan membangunkan kemahiran komunikatif pelajar, tetapi tidak seperti dengan fakta yang berlaku. Khas dalam kurikulum 1984, buku teks yang sedia ada masih bertumpu kepada bentuk dan struktur bahasa dan menjadi ciri dominan seperti yang ditunjukkan pada buku teks yang bertajuk "*English For Junior High School*" untuk pelajar di peringkat SMP (Jazadi, 2004). Berdasarkan kepada kaedah komunikatif, peperiksaan kebangsaan yang dijalankan mestinya merangkumi semua aspek prestasi komunikasi pelajar daripada empat (4) kemahiran bahasa Inggeris, tetapi hanya menguji keupayaan kemahiran membaca dan pengetahuan struktur bahasa dalam bentuk soalan pelbagai pilihan. Masalah utama menyebabkan kurikulum tidak berjaya adalah kebanyakan guru masih tetap menggunakan kaedah pengajaran konvensional yang hanya bertumpu kepada terjemahan tatabahasa dan menggunakan Bahasa Indonesia sebagai bahasa pengajaran (Priyono, 2004).

Seterusnya, berdasarkan analisis masalah-masalah yang berlaku dalam kurikulum 1994 dan merujuk kepada permintaan, cabaran dan keperluan baharu yang berhubung kait dengan pembaharuan, autonomi tempatan, desentralisasi pendidikan dan mandat pendidikan membuat kerajaan Indonesia pusat mengisytiharkan semula kurikulum baharu iaitu kurikulum 2004 sebagai kurikulum menggantikan kurikulum 1994, yang juga dipanggil kurikulum KBK (Kurikulum Berasaskan Kecekapan). Kurikulum ini bermatlamat membangunkan kecekapan komunikatif pelajar menerusi pelbagai bentuk wacana iaitu deskriptif, naratif, pengiraan semula (*recount*), prosedur, laporan, anekdot dengan variasi ungkapan makna interpersonal, ideasional, dan teks mudah (Depdiknas, 2003).

Dapatan-dapatan kajian berkaitan mengenai pelaksanaan kurikulum 2004 dalam proses harian pengajaran dan pembelajaran bahasa Inggeris menunjukkan bahawa terdapat jurang antara kurikulum mandat seperti yang telah ditetapkan oleh kerajaan Indonesia dengan kurikulum yang dilaksanakan di peringkat bilik darjah (Intansari, 2013). Perkara ini berlaku mungkin kerana kekurangan sosialisasi tentang kandungan kurikulum kepada guru, pemikiran guru yang sukar untuk berubah dan corak pembelajaran pelajar yang telah terbiasa dengan cara konvensional sehingga matlamat pengajaran bahasa Inggeris mengenai pencapaian kualiti pengajaran bahasa Inggeris belum menunjukkan hasil yang baik (Hamida, 2008).

Walaupun kurikulum 2004 telah dijalankan mengikut sistem pendidikan desentralisasi tetapi belum memberikan peluang luas kepada guru bagi membangunkan bahan pelajaran dan menggunakan kaedah pengajaran berdasarkan kesediaan pelajar. Penglibatan guru, pengetua sekolah dan kaki tangan pentadbiran dalam pelaksanaan kurikulum, adalah penting, selain daripada sumber-sumber lain dan ibu bapa. Kerjasama positif antara mereka dijamin untuk menyumbang kepada kejayaan pelaksanaan kurikulum. Guru mempunyai kedudukan yang strategik dan peluang besar untuk membangunkan kurikulum menjadi lebih bermakna. Jika difahami dengan betul bahawa kejayaan membina pendidikan berkualiti adalah sangat bergantung kepada keupayaan guru untuk membangunkan kurikulum di peringkat operasi. Seiring penjelasan ini, pada tahun 2006 kerajaan Indonesia pusat memaklumkan semula kurikulum baharu sebagai kurikulum yang menggantikan

kurikulum 2004 iaitu kurikulum 2006 atau KTSP (Kurikulum Tingkat Satuan Pendidikan) atau SBC (*School-Based curriculum*).

Kurikulum 2006 atau kurikulum KTSP dijalankan mengikut sistem pendidikan daripada sistem desentralisasi, di mana setiap sekolah diberi peluang untuk mereka bentuk sukatan pelajaran mereka, menguruskan sumber dengan memperuntukkan keperluan-keperluan yang penting, dan juga membangunkan kandungan sukatan pelajaran selaras dengan keperluan masyarakat (komuniti) (BSNP, 2006). Kurikulum Tingkat Satuan Pendidikan (KTSP) adalah kurikulum yang mengandungi model pengajaran dan pembelajaran yang berpusat kepada pelajar dan pengembangan potensi daerah. Guru adalah seseorang yang lebih mengetahui keadaan pelajar dalam bilik darjah, mempunyai autonomi lebih luas bagi menentukan peraturan pelaksanaan P & P menerusi kurikulum KTSP.

Kurikulum 2006 atau KTSP dalam pembelajaran bahasa Inggeris mempunyai matlamat bagi meningkatkan keupayaan berwacana dalam bahasa Inggeris secara lisan dan bertulis. Keupayaan berwacana adalah keupayaan memahami dan / atau menghasilkan teks lisan dan / atau tulis yang direalisasikan dalam empat (4) kemahiran berbahasa iaitu mendengar, bertutur, membaca, dan menulis. Oleh itu, mata pelajaran bahasa Inggeris berperanan untuk membangunkan kemahiran-kemahiran tersebut agar pelajar yang tamat pengajian mampu berkomunikasi dan berwacana dalam bahasa Inggeris pada tahap literasi tertentu. Pembelajaran bahasa Inggeris khas di peringkat SMP memberikan tumpuan kepada pelajar untuk mencapai tahap fungsional iaitu keupayaan berkomunikasi secara lisan dan bertulis untuk menyelesaikan masalah harian (BSNP, 2006).

Perubahan-perubahan kurikulum yang telah dilaksanakan oleh kerajaan Indonesia merupakan satu cara bagi menggalakkan dan membangunkan keupayaan bahasa Inggeris pelajar. Walau bagaimanapun, keupayaan berbahasa Inggeris pelajar Indonesia masih jauh dari jangkauan. Mengikut Nurkamto (2003) dalam kajiannya yang dilaksanakan di universiti 11 Maret, kepada pelajar semester satu mendapati bahawa 59.2% daripada 250 bilangan sampel mempunyai kesulitan dalam membaca teks bahasa Inggeris. Perkara ini berlaku kerana pelajar (87.2%) mempunyai

keupayaan dasar bahasa Inggeris seperti struktur ayat dan perbendaharaan kata rendah, disebabkan mereka tidak menguasai pelajaran bahasa Inggeris semasa mereka berada di sekolah menengah. Seterusnya, Huda (1990) dalam kajiannya yang dilaksanakan di sekolah menengah pertama di lapan (8) daerah di Indonesia, maklumat yang diperolehi menunjukkan bahawa sebanyak 69,7% pelajar mengatakan bahawa pelajaran bahasa Inggeris itu sukar apabila keupayaan pengetahuan tatabahasa dan perbendaharaan kata terhad.

Budiarwan (2008), Lubis (2010), Hamra & Syatriana (2012) dan Riswanto, Risnawati, & Lismayati (2014) merumuskan dalam kajian mereka bahawa kefahaman membaca bahasa Inggeris daripada pelajar di Indonesia adalah masih rendah dan tidak mencapai matlamat seperti yang telah ditetapkan dalam kurikulum bahasa Inggeris. Seterusnya, Rahman (2005) dalam kajiannya mendapati bahawa keupayaan kefahaman membaca bahasa Inggeris pelajar sekolah menengah di Bandar Makassar adalah rendah (27.83%), kerana penguasaan kandungan daripada bahan pelajaran bahasa Inggeris oleh pelajar seperti tatabahasa dan perbendaharaan kata sebagai penyokong bagi meningkatkan kemahiran bahasa masih rendah kerana kaedah yang digunakan tidak mengandungi cara mengajar kedua-dua perkara berkenaan dengan jelas.

Lie (2007) menyatakan bahawa keupayaan pelajar yang rendah dalam memahami bacaan adalah kerana wujud kekangan yang dihadapi pelajar di dalam pembelajaran bahasa Inggeris secara amnya dan khas di dalam pengajaran kefahaman membaca. Seterusnya, Sadtono, Handayani, & O Reilly (1997) dan Soemantri (2011) mendedahkan dalam kajiannya bahawa salah satu kekangan ialah adanya beberapa masalah linguistik di dalam pengajaran kefahaman membaca, di antaranya adalah kesukaran di dalam mengenali makna perbendaharaan kata, kesukaran dalam struktur ayat, dan kesukaran dalam ejaan.

Shehu (2015) mendedahkan bahawa kesukaran bagi memahami teks bacaan kerap berlaku di dalam mengenali makna dan ejaan. Kesukaran berkenaan berlaku kerana banyak sebab, antaranya ialah (1) perbendaharaan kata baharu bagi pelajar merupakan halangan besar untuk memahami maklumat suatu teks bacaan; (2) pelajar

tidak mempunyai kekuatan ingatan yang baik, menyebabkan mereka tidak mampu mengingat maklumat yang telah dibaca; dan (3) pelajar tidak mempunyai minat membaca; serta (4) pelajar tidak mengetahui jenis teks bacaan yang digunakan.

Seterusnya, Atika (2009) di dalam kajiannya yang dijalankan di SMP No. 9 Magelang Jawa Tengah Indonesia mendapati bahawa pelajar sukar memahami teks bacaan kerana pengetahuan pelajar mengenai perbendaharaan kata, struktur ayat, dan ejaan sangat terhad. Berdasarkan hasil analisis, 38.13% pelajar mempunyai kesukaran bagi mengenali makna perbendaharaan kata, 48.33% pelajar sukar memahami teks bacaan kerana kekurangan pengetahuan mengenai struktur ayat, dan 31.25 % pelajar mempunyai kesukaran di dalam ejaan.

Kemudian, kajian daripada Medjahdi (2015) mendapati bahawa masalah besar di dalam pengajaran kefahaman membaca kepada pelajar yang mana bahasa Inggeris dipelajari sebagai bahasa asing ialah perbendaharaan kata pada amnya, dan khas di dalam makna perkataan dan perbendaharaan kata yang kabur. Daripada 25 pelajar sebagai sampel kajian, 68% daripada pelajar tidak mampu memahami keseluruhan daripada teks bacaan kerana makna perkataan dan perbendaharaan kata yang kabur di dalam teks bacaan berkenaan, 16% mempunyai masalah dengan strategi membaca dengan suara kuat kerana beberapa rakan sekelas mereka ketawa ketika mereka tidak dapat membaca dengan sempurna, dan 16% pelajar mempunyai masalah dengan ejaan perkataan.

Mengikut Susanti (2002) dan Rahmatullah (2008), mereka mendedahkan dalam kajian mereka bahawa rendahnya kefahaman membaca pelajar kerana penerangan yang kurang jelas daripada pengajaran tatabahasa dan perbendaharaan kata di dalam pengajaran kefahaman membaca. Buchori (2001) dan Azra (2002) juga menyatakan bahawa terdapat masalah dalam pengetahuan kemahiran bahasa Inggeris pelajar kerana proses belajar masih cenderung berpusatkan kepada guru dan perkara ini telah menjadi sebahagian daripada budaya persekolahan di Indonesia. Seterusnya, Pasassung (2003) menyatakan bahawa terutamanya dalam pendidikan di sekolah, pengajaran bahasa Inggeris sebagai bahasa asing masih dikuasai oleh

kaedah terjemahan tatabahasa (TT) sebagai kaedah konvensional yang sentiasa hanya bertumpu kepada tatabahasa, di mana guru adalah penguasa utama.

Hattie (1997), Husna (1998), dan Sugeng (2000) juga mendedahkan di dalam kajian mereka bahawa kebanyakan aktiviti yang dijalankan kepada pelajar dalam P & P bahasa Inggeris hanya tertumpu kepada latihan tatabahasa dengan menggunakan kaedah terjemahan tanpa sebarang konteks. Seterusnya, Widodo (2006) menegaskan bahawa daripada pelbagai kaedah P & P yang wujud, dalam konteks bahasa Inggeris sebagai bahasa asing, guru sentiasa menggunakan kaedah pengajaran konvensional yang hanya bertumpu kepada pengajaran tatabahasa sahaja.

Oleh itu, daripada penjelasan di atas, kajian ini menyelidiki kaedah pengajaran berasaskan tema (PBT) sebagai salah satu kaedah yang boleh digunakan dalam pengajaran kefahaman membaca bahasa Inggeris. Kaedah pengajaran ini diharapkan boleh mengubah hasil pembelajaran menjadi lebih baik. Ianya dibandingkan dengan kaedah pengajaran TT sebagai kaedah konvensional sebagai kaedah yang sentiasa guru di Indonesia gunakan dalam bilik darjah.

Kaedah PBT merupakan satu kaedah pengajaran berasaskan tema atau topik, yang mana pembelajaran kandungan dan bahasa dijalankan secara bersama-sama di dalam bilik darjah dengan matlamat pengajaran bahasa. Kandungan sebagai punca daripada tema bagi membangunkan bahan pembelajaran merupakan faktor penting dalam pemerolehan bahasa yang boleh membangunkan motivasi dan menggalakkan pembelajaran bahasa yang berkesan kerana mengandungi maklumat yang berkaitan dengan minat, tahap keupayaan bahasa, dan menarik bagi pelajar (Brinton, Snow, & Wesche, 1989, 2003). Berikut ini adalah fakta keberkesanan kaedah PBT sebagai kaedah yang menyepadukan kandungan khas dengan matlamat pengajaran bahasa boleh dilihat melalui beberapa kajian lepas daripada luar negara dan dalam negara seperti berikut.

Hoare, Kong dan Bell (2008) di Institut Pendidikan Hong Kong menerapkan penyepaduan bahasa dan kandungan dalam kajiannya dengan tajuk "*Using Language Objectives to Integrate Content and Language*" mengatakan bahawa penyepaduan

bahasa dan kandungan menjadi faktor yang memberi sumbangan kepada kejayaan pelajar dalam mencapai peningkatan yang ketara mengenai standard keupayaan bahasa Inggeris.

Chapple dan Curtis (2000) dalam kajiannya mengenai tindak balas pelajar kepada filem di Universiti Cina di Hong Kong mendapati bahawa tindak balas yang baik ditunjukkan oleh pelajar terhadap kaedah pengajaran PBT. Perkara ini dicirikan dengan keupayaan bahasa Inggeris pelajar yang mengalami peningkatan di semua aspek, khasnya bagi kemahiran bertutur dan mendengar. Selain daripada itu, Papai (2000) mendedahkan bahawa keyakinan diri pelajar meningkat apabila berkomunikasi dengan menggunakan bahasa Inggeris.

Sunarwan (2013) dalam kajiannya yang dilaksanakan di Sekolah Tinggi Agama Islam Negeri (STAIN) Jurai Siwo Metro Surakarta Indonesia, mengenai penerapan kaedah pengajaran PBT dan Audio-Lingual Method untuk mengajar kemahiran bertutur dilihat daripada kreativiti pelajar. Hasil kajian mendapati bahawa kaedah pengajaran PBT lebih berkesan jika dibandingkan dengan Audio-Lingual Method dalam pengajaran bertutur.

Prasasti, Hambali, & Fiftinove (2014) telah mengkaji penggunaan kaedah pengajaran berasaskan tema (PBT) bagi meningkatkan prestasi menulis naratif pelajar gred 10 SMA N 1 Indralaya Utara di negeri Sumatra Selatan dalam tahun akademik 2013 / 2014 dengan bilangan sampel seramai 32 pelajar. Hasil kajian mereka menunjukkan bahawa terdapat peningkatan yang ketara dalam menulis naratif pelajar dari segi kandungan (tujuan dan pembangunan naratif) selepas mereka diajar dengan menggunakan kaedah PBT, kerana perolehan nilai ujian-t adalah 12.042 lebih tinggi daripada *t-table* 2.041

Selain itu, kajian daripada Diaz et al. (2002), Winter (2004), dan Daryl (2006), mereka menyatakan bahawa aplikasi kaedah PBT merupakan kaedah pengajaran bahasa sangat berkesan dalam membangunkan keupayaan perolehan bahasa pelajar. Seterusnya, Crawford (2001) dan Glenn (2005) juga mendedahkan bahawa kaedah PBT boleh juga meningkatkan pengajaran pembangunan membaca.

Kajian Kasper (1995; 1997) juga mendedahkan bahawa pembelajaran bahasa melalui topik mampu meningkatkan kefahaman membaca pelajar.

Berdasarkan hasil penyelidikan di atas, boleh dikatakan bahawa menggunakan kandungan sah sebagai input yang mudah difahami (Krashen, 1982) menerusi kaedah pengajaran PBT boleh menyokong pembelajaran kontekstual dan merupakan refleksi interaksi dalam dunia nyata yang mana kemahiran dan keupayaan berbahasa merangkumi kemahiran membaca, menulis, bertutur, dan mendengar hadir secara bersama dalam pengajaran bahasa (Nunan, 2003).

1.3 Pernyataan Masalah

Berdasarkan latar belakang di atas menunjukkan bahawa walaupun penggunaan kaedah komunikatif disyorkan dalam setiap perubahan kurikulum bahasa Inggeris bermula daripada kurikulum 1984 sehingga sekarang, kaedah pengajaran terjemahan tatabahasa (TT) sebagai kaedah konvensional tetap sentiasa menguasai pengajaran bahasa Inggeris di sekolah (Pasassung, 2003). Kaedah pengajaran konvensional berkenaan yang sentiasa guru gunakan dalam proses P & P bilik darjah bahasa Inggeris hanya mengandungi aktiviti-aktiviti yang bertumpu kepada latihan tatabahasa dan terjemahan tanpa sebarang konteks (Sugeng, 2000; Widodo, 2006).

Perubahan-perubahan kurikulum bahasa Inggeris yang dijalankan oleh kerajaan pusat Indonesia sentiasa memberi perhatian yang lebih kepada kemahiran membaca dalam proses P & P di bilik darjah berbanding kemahiran lainnya iaitu mendengar, bertutur dan menulis. Walaupun demikian, perkara tersebut tidak meningkatkan keupayaan kemahiran membaca pelajar (Depdiknas, 2003, 2006). Pelajar masih merasa sukar untuk memahami teks dan mendapatkan maklumat tersirat daripada teks tersebut (OECD, 2014).

Daripada huraian di atas, boleh disimpulkan bahawa kaedah pengajaran yang digunakan oleh guru dalam P & P boleh mempengaruhi pencapaian prestasi kefahaman membaca bahasa Inggeris pelajar menjadi rendah atau juga boleh menjadi lebih baik. Kaedah pengajaran sebagai satu konsep pengajaran yang dipilih dan digunakan oleh guru dalam P & P bilik darjah mempengaruhi kualiti pembelajaran pelajar (Ahmad Johari Bin Sihes, 2009).

Seiring dengan perkara di atas, guru perlu menggunakan kaedah pengajaran yang mengandungi penerangan yang jelas dalam pengajaran kefahaman membaca dalam bahasa Inggeris. Mengikut Rahman (2005), beliau menegaskan dalam kajiannya bahawa untuk mengajarkan bahasa Inggeris di peringkat sekolah menengah, pelajar perlu diajar dengan jelas (eksplisit) khasnya tatabahasa dan perbendaharaan kata kerana kedua-duanya mempunyai peranan yang sangat penting dalam meningkatkan kefahaman membaca pelajar.

Kaedah pengajaran disyorkan mengikut kurikulum 2006 atau KTSP bahasa Inggeris sebagai panduan pelaksanaan P & P dalam kajian ini adalah kaedah yang bertumpu kepada pelajar (kaedah komunikatif). Pelajar diharap meningkatkan pengetahuan bahasa Inggeris untuk boleh berkomunikasi dengan menggunakan bahasa yang lain dan berinteraksi antara negara dalam pelbagai bidang, seperti pendidikan, teknologi, ekonomi dan sebagainya. Implikasinya bahawa pelajar perlu belajar isu-isu yang sangat berkait dengan bahasa dan kandungan. Seterusnya, pelajar perlu diajar bahasa Inggeris dengan menggunakan kaedah pengajaran yang mengandungi pembelajaran kedua-dua kandungan dan bahasa.

Kaedah pengajaran yang boleh menyepadukan bahasa dan kandungan adalah kaedah pengajaran berasaskan tema atau kaedah pengajaran PBT. Kaedah ini digunakan dalam P & P kefahaman membaca bahasa Inggeris dan dibandingkan dengan kaedah pengajaran TT sebagai kaedah konvensional kepada pelajar kelas 9 di SMP Kebangsaan 13 Makassar, dengan mengambil kira bahawa semua SMP di Indonesia menggunakan kurikulum KTSP. Pelajar yang diajar dengan menggunakan kaedah pengajaran PBT dipanggil kumpulan rawatan dan pelajar yang diajar dengan kaedah pengajaran konvensional dipanggil kumpulan kawalan. Data yang diperolehi

menerusi pelaksanaan eksperimen, ujian kefahaman membaca bahasa Inggeris (ujian pra dan ujian pos), soal selidik sumbangan kaedah pengajaran PBT, dan temubual separa berstruktur.

Akhir sekali, pada akhir kajian diperoleh maklumat tentang prestasi ujian pra dan ujian pos kefahaman membaca daripada kedua-dua pelajar kumpulan kawalan dan pelajar kumpulan rawatan, perbandingan kedua-dua prestasi berkenaan, masalah-masalah pelajar hadapi dalam P & P kefahaman membaca, dan sumbangan kaedah pengajaran PBT dalam pembelajaran kefahaman membaca bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar.

1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian ini secara amnya iaitu untuk membandingkan kaedah pengajaran berasaskan tema (PBT) sebagai kaedah komunikatif dengan kaedah pengajaran terjemahan tatabahasa (TT) sebagai kaedah konvensional dalam pembelajaran kefahaman membaca bahasa Inggeris. Manakala, secara khas, objektif kajian ini adalah untuk;

1. Menganalisis prestasi semasa (ujian pra) kefahaman membaca dalam bahasa Inggeris bagi kumpulan pelajar yang diajar menggunakan kaedah pengajaran TT (kumpulan kawalan).
2. Menganalisis prestasi semasa (ujian pra) kefahaman membaca dalam bahasa Inggeris bagi kumpulan pelajar yang diajar menggunakan kaedah pengajaran PBT (kumpulan rawatan).
3. Menganalisis prestasi (ujian pos) kefahaman membaca dalam bahasa Inggeris bagi kumpulan pelajar yang diajar menggunakan kaedah pengajaran TT (kumpulan kawalan).
4. Menganalisis prestasi (ujian pos) kefahaman membaca dalam bahasa Inggeris bagi kumpulan pelajar yang diajar menggunakan kaedah pengajaran PBT (kumpulan rawatan).

5. Menganalisis perbandingan prestasi ujian pra dengan ujian pos kefahaman membaca dalam bahasa Inggeris bagi pelajar daripada kumpulan kawalan.
6. Menganalisis perbandingan prestasi ujian pra dengan ujian pos kefahaman membaca dalam bahasa Inggeris bagi pelajar daripada kumpulan rawatan.
7. Menganalisis perbandingan prestasi ujian pra kefahaman membaca dalam bahasa Inggeris bagi pelajar daripada kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan.
8. Menganalisis perbandingan prestasi ujian pos kefahaman membaca dalam bahasa Inggeris bagi pelajar daripada kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan.
9. Mengenal pasti masalah-masalah pelajar dalam pembelajaran kefahaman membaca dalam bahasa Inggeris.
10. Menentukan sama ada kaedah pengajaran PBT memberi sumbangan dalam pembelajaran kefahaman membaca bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar.

1.5 Soalan Kajian

Daripada objektif kajian di atas, beberapa soalan kajian yang perlu dijawab iaitu;

1. Apakah tahap prestasi semasa (ujian pra) kefahaman membaca bahasa Inggeris bagi pelajar kumpulan yang diajar menggunakan kaedah pengajaran TT (kumpulan kawalan)?
2. Apakah tahap prestasi semasa (ujian pra) kefahaman membaca bahasa Inggeris bagi pelajar kumpulan yang diajar menggunakan kaedah pengajaran PBT (kumpulan rawatan)?
3. Apakah tahap prestasi (ujian pos) kefahaman membaca bahasa Inggeris bagi pelajar kumpulan yang diajar menggunakan kaedah pengajaran TT (kumpulan kawalan)?

4. Apakah tahap prestasi (ujian pos) kefahaman membaca bahasa Inggeris bagi pelajar kumpulan yang diajar menggunakan kaedah pengajaran PBT (kumpulan rawatan)?
5. Adakah terdapat perbezaan tahap prestasi ujian pra dengan ujian pos kefahaman membaca bahasa Inggeris bagi pelajar kumpulan kawalan?
6. Adakah terdapat perbezaan tahap prestasi ujian pra dengan ujian pos kefahaman membaca bahasa Inggeris bagi pelajar kumpulan rawatan?
7. Adakah terdapat perbezaan tahap prestasi ujian pra kefahaman membaca bahasa Inggeris bagi pelajar kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan?
8. Adakah terdapat perbezaan tahap prestasi ujian pos kefahaman membaca bahasa Inggeris bagi pelajar kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan?
9. Apakah masalah-masalah pelajar dalam pembelajaran kefahaman membaca bahasa Inggeris?
10. Adakah kaedah pengajaran PBT memberi sumbangan dalam pembelajaran kefahaman membaca bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar?

1.6 Hipotesis Kajian

Berdasarkan objektif dan soalan kajian dalam kajian ini, maka hipotesis null daripada kajian ini dibentuk seperti berikut:

- H₀₁: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam min skor pada prestasi ujian pra dengan ujian pos kefahaman membaca bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar kumpulan kawalan.
- H₀₂: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam min skor pada prestasi ujian pra dengan ujian pos kefahaman membaca bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar kumpulan rawatan.
- H₀₃: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam min skor pada prestasi ujian pra kefahaman membaca bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan.

- H₀₄: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam min skor pada prestasi ujian pos kefahaman membaca bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan.
- H₀₅: Tidak terdapat sumbangan yang signifikan kaedah pengajaran PBT dalam pembelajaran kefahaman membaca bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar.

1.7 Rasional Kajian

Mengikut Brinton, Snow, & Wesche (1989; 2003), mereka mendedahkan bahawa kaedah pengajaran berasaskan tema (kaedah pengajaran PBT) sebagai kaedah pengajaran bahasa dan kandungan secara bersama-sama dengan memberi tumpuan kepada matlamat pengajaran bahasa Inggeris, guru bahasa bertanggung jawab kepada pencapaian matlamat bahasa dan pembangunan teks bacaan sebagai bahan pelajaran, dan merupakan salah satu usaha persepaduan satu tema sahik ke dalam pengajaran semua kemahiran secara bersepadu daripada bahasa Inggeris iaitu mendengar, bertutur, membaca, dan menulis. Seterusnya, dalam kaedah pengajaran PBT, guru disyorkan melibatkan para pelajar dalam menentukan topik pengajaran untuk mewujudkan kesesuaian kandungan pengajaran dengan matlamat akademik dan minat pelajar.

Kaedah pengajaran PBT adalah kaedah yang boleh digunakan pada semua tahap kurikulum, bermula daripada sekolah rendah sehingga universiti dan tidak memerlukan kerjasama guru bahasa dan pakar kandungan (Brinton, Snow, & Wesche, 1989, 2003; Tsai & Shang, 2010). Kaedah pengajaran PBT ini meletakkan matlamat bahasa dalam kurikulum sebagai asas bagi menyepadukan kandungan dan bahasa dengan matlamat meningkatkan keupayaan dan kecekapan bahasa pelajar (Brinton, Snow, & Wesche, 1989, 2003; Met, 1999).

Kurikulum 2006 atau kurikulum KTSP adalah kurikulum panduan bagi menjalankan P & P kepada semua peringkat sekolah rendah dan menengah di

Indonesia. Ia dijalankan mengikut sistem pendidikan desentralisasi di mana guru mempunyai autonomi luas bagi menentukan kaedah pengajaran yang bersesuaian dengan situasi, kesediaan dan persekitaran pelajar. Kenyataan ini menyokong pengkaji menggunakan kaedah pengajaran PBT dalam proses P & P kefahaman membaca di SMP 13 Kebangsaan di Bandar Makassar. Ini juga bermatlamat bagi mempelbagaikan kaedah yang digunakan oleh guru dalam pelaksanaan sistem pendidikan desentralisasi mengikut panduan kurikulum KTSP.

1.8 Kepentingan Kajian

Kajian ini secara amnya bertujuan untuk membandingkan kaedah pengajaran berasaskan tema (kaedah pengajaran PBT) dengan kaedah pengajaran konvensional dalam pembelajaran kefahaman membaca bahasa Inggeris. Oleh itu, kepentingan kajian akan memberi manfaat sangat berguna kepada pembangunan ilmu pendidikan, terutamanya penerapan kedua-dua kaedah berkenaan untuk meningkatkan prestasi kefahaman membaca bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar di sekolah menengah.

Kajian ini juga boleh memberi manfaat kepada institusi pendidikan, seperti jabatan pendidikan pada peringkat negeri dan peringkat daerah sebagai input mengenai bagaimana menggunakan kaedah pengajaran PBT dan kaedah pengajaran konvensional (TT) sebenar dalam P & P kefahaman membaca bahasa Inggeris. Kajian ini juga boleh memberi manfaat kepada sekolah sebagai tempat berkhidmat guru. Ianya boleh menjadi panduan bagi guru untuk membangunkan bahan pelajaran, memperbaiki dan merancang amalan-amalan pengajaran dan pembelajaran yang lebih efektif dan berkesan mengikut pelaksanaan kaedah pengajaran konvensional sebenar dan kaedah pengajaran PBT sehingga kualiti dan hasil pembelajaran pelajar meningkat.

Kajian ini juga memberi manfaat kepada guru dan pelajar. Kepada guru, kajian ini sebagai panduan untuk membangunkan dan membina rancangan pengajaran dan pembelajaran mengikut kaedah pengajaran PBT untuk mereka

menggunakan bahan pembelajaran secara sistematik dan tepat, supaya mencapai matlamat pengajaran yang dijangka. Seterusnya kepada pelajar, menerusi penggunaan kaedah pengajaran PBT dalam kajian ini, pelajar mempunyai masa untuk belajar kemahiran bahasa secara bersepadu bagi membangunkan empat (4) kemahiran bahasa Inggeris, dan juga memperoleh akses kepada konsep baru menerusi penggunaan kandungan sahih dan bermakna dalam proses P & P.

Akhir sekali, kajian ini boleh memberi manfaat kepada fakulti pendidikan di universiti atau institusi latihan perguruan sebagai rujukan bagi membina rancangan pengajaran dan membangunkan bahan pelajaran mengikut penggunaan kaedah pengajaran PBT yang boleh meningkatkan keupayaan kemahiran kefahaman membaca bahasa di kalangan pelajar dan juga kualiti pengajaran dan pembelajaran di sekolah.

1.9 Kerangka Teori Kajian

Kajian ini bertujuan untuk membandingkan kaedah pengajaran berasaskan tema (kaedah pengajaran PBT) dengan kaedah pengajaran konvensional (TT) dalam pembelajaran kefahaman membaca bahasa Inggeris pelajar dengan sokongan kandungan daripada budaya tempatan Makassar sebagai bahan pembelajaran (input) dalam bilik darjah bahasa Inggeris. Kajian ini mengaplikasikan teori pembelajaran konstruktivisme (Piaget, 1967) yang menyokong pelaksanaan kedua-dua kaedah pengajaran berkenaan.

1.9.1 Teori Pembelajaran Konstruktivisme (Piaget, 1967)

Konstruktivisme sebagai teori pembelajaran menggambarkan bagaimana pelajar membina pemahaman dan pengetahuan mereka melalui pengalaman yang diperolehinya, seterusnya, merefleksikannya. Dalam konstruktivisme ditegaskan bahawa pembelajaran merupakan aktiviti persendirian (individual) bagi pelajar yang

dijalankan secara aktif dan berterusan menerusi asimilasi dan akomodasi (Piaget, 1967).

Piaget (1967; 1971) menyatakan bahawa asimilasi ialah proses kognitif yang mana seseorang menyepadukan persepsi, konsep, ataupun pengalaman baharu ke dalam struktur atau skema yang sedia ada di dalam fikirannya. Manakala, akomodasi berfungsi untuk membentuk struktur bahasa baharu atau skema yang sesuai dengan rangsangan yang baharu atau mengubahsuai struktur atau skema yang sedia ada serta menyebabkan penyesuaian dengan rangsangan baharu tersebut. Implikasinya ialah pelajar membina pengetahuan dan pemahaman mereka tentang bahan pelajaran baharu melalui tahap asimilasi iaitu bagaimana guru membimbing pelajar untuk menghubungkan pengalaman baharu yang perlu mereka fahami dengan pengalaman sebelum yang telah mereka fahami. Seterusnya, apabila pengalaman baharu daripada pelajar tidak bersesuaian dengan pengalaman sedia ada mereka, maka pelajar akan menyesuaikan pengalaman sedia ada dengan pengalaman baharu untuk membina pemahaman dan pengetahuan mereka tentang bahan pembelajaran yang baharu tersebut. Dalam erti kata lain, asimilasi tidak mengakibatkan perubahan tetapi asimilasi mempengaruhi pembentukan skema dan merupakan sebahagian daripada perkembangan skema.

1.9.2 Kaedah Pengajaran Berasaskan Tema (Brinton, Snow & Wesche, 1989)

Kaedah pengajaran berasaskan tema (kaedah pengajaran PBT) adalah kaedah pengajaran bahasa yang bersepadu dengan kandungan dengan tujuan pengajaran bahasa. Ertinya bahawa ciri utama kaedah pengajaran berasaskan tema dalam persekitaran EFL adalah pengajaran, bahan pembelajaran dan aktiviti bilik darjah yang disyorkan sekitar topik atau tema tertentu. Matlamat utamanya adalah kepada pelajar, mereka memperoleh penguasaan bahasa asing dengan fokus di bidang tema tertentu (Brinton, Snow & Wesche, 1989). Bahan pembelajaran dibangunkan dan diajarkan oleh Guru Bahasa Inggeris serta menggalakkan pembelajaran berpusatkan kepada pelajar (kumpulan). Guru bertanggungjawab kepada kemahiran bahasa dan

kandungan, tetapi pelajar hanya dinilai kemahiran bahasa sahaja (Brinton, Snow, & Wesche, 1989; 2003).

Kaedah pengajaran PBT dalam proses P & P perlu memberi tumpuan kepada kefasihan (makna) dan konteks sah, bukan hanya kepada ketepatan (bentuk) dan latihan (Brown, 2001; Brinton, Snow, & Wesche, 2003). Oleh itu, guru yang menggunakan kaedah pengajaran PBT perlu memberikan tumpuan pengajaran kepada bentuk dan makna dengan menggunakan teks bacaan yang mengandungi bahan sah (*authentic*). Kaedah pengajaran PBT membolehkan guru meliputi isu-isu kehidupan sebenar ke dalam bilik darjah yang mana pelajar boleh bekerja dengan membangunkan kemahiran bahasa mereka. Isu-isu yang sah memberikan pelajar peluang untuk menghadapi bahasa sah yang boleh menyokong mereka kemudian dalam situasi di mana mereka mesti menggunakan kemahiran bahasa mereka untuk berkomunikasi dengan berkesan.


Akhir sekali, kaedah pengajaran PBT mengutamakan pengajaran penyepaduan kemahiran bahasa. Guru bahasa perlu membuat segala usaha seperti mereka bentuk pengalaman belajar (*learning activities*) untuk membantu pelajar menjadi mahir dalam empat kemahiran bahasa (membaca, menulis, mendengar dan bertutur) (Brinton, Snow, & Wesche, 1989, 2003; Peregoy & Boyle, 2008). Guru-guru yang menggunakan kaedah pengajaran PBT di dalam kelas mengelakkan mengajar kemahiran sebagai unit berasingan, tetapi berusaha untuk mengintegrasikan mereka, kerana kaedah pengajaran berasaskan tema adalah tema itu sendiri yang mengawal pemilihan dan penjujukan tumpuan bahasa. Kaedah ini mengaplikasikan situasi kehidupan sebenar, di mana permintaan komunikasi yang berkesan mengawal ke atas pelbagai kemahiran bahasa di masa yang sama (Nunan, 2003).

1.9.3 Kaedah Pengajaran Konvensional (Larsen-Freeman, 2000)

Kaedah pengajaran konvensional, dalam kajian ini, merujuk kepada kaedah pengajaran terjemahan tatabahasa (TT) atau dalam bahasa Inggeris disebut *Grammar-Translation (GT) Method* (Larsen-Freeman, 2000). Tujuan utama

pembelajaran bahasa asing adalah pelajar boleh membaca literatur yang bertulis dalam bahasa sasaran. Oleh itu, tumpuan utama daripada kaedah pengajaran ini adalah pelajar perlu belajar peraturan tatabahasa dan perbendaharaan kosa kata daripada bahasa sasaran. Aplikasi peraturan tatabahasa dan perbendaharaan kosa kata berkenaan adalah menterjemahkan teks daripada bahasa sasaran ke dalam bahasa ibunda pelajar dan sebaliknya. Dalam keadaan ini, guru menentukan bahan pembelajaran. Pelajar menjalankan latihan pembelajaran secara persendirian (secara individu). Sebahagian besar interaksi adalah antara guru kepada pelajar dan sedikit interaksi antara pelajar kepada pelajar.


Dengan penjelasan di atas, berikut adalah ringkasan kerangka teori kajian yang mencadangkan perbandingan pelaksanaan kaedah pengajaran PBT daripada Brinton, Snow, & Wesche (1989) dengan kaedah terjemahan tatabahasa (kaedah pengajaran TT)) yang disokong oleh teori pembelajaran konstruktivisme. Rajah 1.1 menunjukkan kerangka teori yang digunakan dalam kajian ini.



Rajah 1.1 Kerangka Teori Kajian

1.10 Kerangka Konsep Kajian

Berdasarkan kerangka teori kajian, maka kerangka konseptual kajian boleh digambarkan seperti berikut:



Rajah 1.2 Kerangka Konsep Kajian

Rajah 1.2 menggambarkan kajian dijalankan kepada pelajar SMP, dengan pembolehubah bebas kajian adalah kaedah pengajaran PBT, kaedah pengajaran TT dan masalah pelajar dalam pembelajaran kefahaman membaca bahasa Inggeris. Pembolehubah bersandar kajian adalah kefahaman membaca bahasa Inggeris. Kaedah pengajaran PBT merangkumi tujuh (7) komponen iaitu (1) budaya tempatan Makassar; (2) tema yang ditentukan oleh pelajar; (3) teks bacaan sebagai asas pengajaran (bahan pengajaran); (4) pengajaran bertumpu pada bentuk dan makna; (5)

kemahiran bersepadu; (6) pembelajaran kumpulan; dan (7) bahasa Inggeris (Brinton, Snow, & Wesche, 1989). Manakala, kaedah pengajaran TT terdiri daripada lapan (8) komponen iaitu (1) budaya tempatan Makassar; (2) ayat; (3) tatabahasa; (4) terjemahan; (5) perbendaharaan kata; (6) membaca; (7) pembelajaran individu; dan (8) bahasa Indonesia dan bahasa Inggeris (Larsen-Freeman, 2000). Seterusnya, kefahaman membaca mengandungi empat komponen iaitu keupayaan pelajar mengenal pasti idea utama, mengenal pasti ayat sokongan, menentukan makna perbendaharaan kata dalam konteks ayat, dan mengenal pasti rujukan kata (KTSP Bahasa Inggeris SMP, 2006).

1.11 Batasan Kajian

Amnya, kajian ini bertujuan untuk membandingkan kaedah pengajaran konvensional (TT) dan kaedah pengajaran berasaskan tema (kaedah pengajaran PBT) dalam pembelajaran kefahaman membaca bahasa Inggeris. Objektif kajian iaitu menganalisis prestasi semasa (ujian pra) dan prestasi ujian pos kefahaman membaca dalam bahasa Inggeris bagi kumpulan pelajar yang diajar menggunakan kaedah pengajaran konvensional (TT) dan kumpulan pelajar yang diajar menggunakan kaedah pengajaran PBT, mengenal pasti masalah pelajar dalam pembelajaran kefahaman membaca dalam bahasa Inggeris, dan mengenal pasti sama ada kaedah pengajaran PBT memberi sumbangan dalam pembelajaran kefahaman membaca bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar.

Objektif kajian ini ialah untuk (1) melihat perbandingan antara kaedah pengajaran konvensional dan kaedah pengajaran PBT dalam meningkatkan kefahaman membaca bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar, (2) menentukan sumbangan kaedah pengajaran PBT kepada prestasi kefahaman membaca bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar, dan (3) memperolehi maklumat tentang masalah yang dihadapi oleh pelajar dalam pembelajaran kefahaman membaca bahasa Inggeris.

Di akhir kajian ini, diharapkan boleh mengenalpasti elemen-elemen daripada kaedah pengajaran PBT bagi meningkatkan prestasi kefahaman membaca bahasa Inggeris. Sasaran kajian ini adalah pelajar tahun ketiga (kelas 9) di peringkat Sekolah Menengah Pertama Kebangsaan 13 Makassar di Bandar Makassar, Negeri Sulawesi Selatan, Indonesia.

1.12 Definisi Operational

1.12.1 Teori Pembelajaran Konstruktivisme (Piaget, 1967)

Konstruktivisme merujuk kepada teori pembelajaran yang menerangkan bagaimana pelajar secara aktif membangun pengetahuan menerusi penggunaan kaedah pengajaran berasaskan tema dan kaedah pengajaran konvensional. Teori pembelajaran konstruktivisme dalam kaedah pengajaran berasaskan tema mengandungi bahawa pelajar membangun makna dan pengetahuan mereka dengan berinteraksi dengan pelajar lainnya dalam kerja kumpulan, manakala dalam kaedah pengajaran konvensional pelajar secara aktif membangun makna dan pengetahuan mereka dengan berinteraksi dengan bahan pelajaran secara bersendirian mengikut panduan guru.

1.12.2 Kaedah Pengajaran Berasaskan Tema

Kaedah pengajaran berasaskan tema (Theme-Based Instruction Method (kaedah pengajaran PBT)) ialah kaedah pengajaran kandungan dan bahasa dengan bertumpu kepada matlamat pengajaran bahasa (Brinton, Snow, Wesche, 1989). Kaedah pengajaran PBT dalam kajian ini ialah satu kaedah yang digunakan oleh guru dalam pengajaran kefahaman membaca bahasa Inggeris. Guru bahasa

bertanggungjawab terhadap pelaksanaan kedua-dua pengajaran bahasa dan kandungan, tetapi pelajar hanya akan diuji mengenai keupayaan pengetahuan bahasa mereka (Brinton, Snow, dan Wesche, 1989, 2003).

1. Budaya Tempatan

Budaya Tempatan (BT) merujuk kepada budaya tempatan daripada pelajar dimana kajian dijalankan iaitu budaya tempatan Makassar (BTM). BTM mengandungi kandungan sahih dan merupakan sumber tema dalam membangunkan teks bacaan sebagai bahan pelajaran yang digunakan secara maksimal dalam P & P kemahiran membaca secara bersepadu dengan kemahiran mendengar, bertutur dan menulis. Mengikut Sutarno (2008) mendedahkan bahawa budaya dalam pendidikan rasmi merupakan punca maklumat atau kandungan daripada sesuatu mata pelajaran dalam proses belajar bagi pencapaian maklumat daripada mata pelajaran berkenaan.

2. Tema

Tema adalah asas bagi membangunkan teks bacaan sebagai bahan pelajaran. Tema wujud dalam bahan kandungan yang dibentangkan sebagai asas pengajaran untuk analisis bahasa dan amalan. Bagi meningkatkan motivasi belajar melalui kaedah pengajaran PBT, adalah disyorkan untuk mengambil kira minat para pelajar, yang mana tema berkenaan adalah dipilih oleh pelajar.

3. Teks Bacaan

Teks bacaan (TB) ialah teks bacaan berbentuk prosedur yang digunakan sebagai bahan pelajaran dalam pengajaran kefahaman membaca bahasa Inggeris. Ianya dibangunkan oleh guru bahasa Inggeris berdasarkan tema (tema pilihan pelajar) yang mengandungi kandungan autentik (sahih). Dimana kandungan autentik tersebut diubahsuai mengikut matlamat bahasa dalam kurikulum tingkat satu pendidikan (KTSP). Mengikut Tamo (2009) bahawa teks bacaan (TB) ialah bahan pembelajaran yang mengandungi bahan autentik (kandungan sahih) menggambarkan penggunaan bahasa yang direka dan dihasilkan oleh penutur asli

bukan untuk matlamat pengajaran bahasa dalam bilik darjah tetapi untuk matlamat penutur asli sebenar.

4. Pengajaran Bertumpu Kepada Bentuk dan Makna

Pengajaran bertumpu kepada bentuk dan makna mengikut kaedah pengajaran PBT iaitu pengajaran perbendaharaan kata dan tatabahasa yang disepadukan dalam kandungan daripada teks bacaan sebagai bahan pelajaran menyebabkan pelajar boleh memahami maklumat daripada teks bacaan tersebut. Pengajaran bertumpu kepada bentuk mengandungi maklumat bahawa pelajar belajar tatabahasa dan perbendaharaan kata menerusi kandungan daripada teks bacaan (Ballman, 1997). Seterusnya, pengajaran bertumpu kepada makna merujuk kepada pelajar belajar bahasa dengan memberi perhatian utama kepada kandungan daripada teks bacaan (mesej). Seterusnya, ianya menghantar pelajar belajar dalam konteks bermakna dan mengetahui jenis maklumat yang terlibat dalam teks becaan berkenaan (Nishimura, 2000; Ellis, 2008).

5. Kemahiran Bersepadu

Proses P & P kefahaman membaca bahasa Inggeris dalam bilik darjah menerusi kaedah pengajaran PBT dijalankan menerusi kemahiran bersepadu. Kemahiran bersepadu (KB) adalah pelaksanaan pengajaran kefahaman membaca bahasa Inggeris yang disepadukan dengan satu atau dua kemahiran bahasa lainnya iaitu mendengar, bertutur dan menulis. Mengikut Peregoy & Boyle (2001), beliau menyatakan bahawa kemahiran bersepadu ditakrifkan sebagai penyerahan tugas komunikatif kepada pelajar dengan menggabungkan dua atau lebih daripada kemahiran bahasa.

6. Pembelajaran Kumpulan

Proses P & P dalam bilik darjah dijalankan oleh pelajar menerusi pembelajaran kumpulan (koperatif). Pelajar mempunyai kedudukan utama dalam pelaksanaan proses P & P dengan matlamat utama iaitu meletakkan kepentingan dan

kebolehan pelajar dalam pembelajaran. Mengikut Casal (2008) menyebutkan bahawa pembelajaran koperatif merupakan kelompok pengajaran kecil yang berstruktur serta menggalakkan pelajar untuk bekerja bersama-sama dengan matlamat untuk meningkatkan pembelajaran, pencapaian akademik, harga diri pelajar, pemahaman pelajar mengenai tugas, dan kemahiran pengajaran bahasa.

7. Bahasa Inggeris

Bahasa Inggeris merupakan bahasa komunikasi yang digunakan oleh guru bagi menjalankan proses P & P dalam bilik darjah. Bahasa Inggeris adalah bahasa pengajaran. Guru menggunakan bahasa berkenaan sebagai medium pengajaran dalam menjelaskan pelajaran dalam bilik darjah. Seterusnya, bahan dan latihan pelajaran adalah bertulis dalam bahasa Inggeris. Begitu juga pelajar, mereka menggunakan bahasa Inggeris dalam membentangkan hasil kerja kumpulan.

1.12.3 Kaedah Pengajaran Konvensional

Kaedah pengajaran konvensional dalam kajian ini merujuk kepada kaedah terjemahan tatabahasa (kaedah pengajaran TT). Ianya digunakan dalam pengajaran kefahaman membaca bahasa Inggeris. Untuk menjalankan ini, pelajar perlu belajar perbendaharaan kosa kata dan peraturan tatabahasa bahasa Inggeris. Latihan bahasa kebanyakannya dijalankan melalui tugas terjemahan daripada bahasa Inggeris ke dalam bahasa Indonesia secara persendirian. Bahasa Indonesia dan bahasa Inggeris digunakan sebagai bahasa pengajaran. Kandungan autentik berfungsi sebagai sumber bahan pembelajaran dan ianya ditentukan oleh guru.

1. Budaya Tempatan

Budaya tempatan merujuk kepada budaya di mana kajian ini dijalankan iaitu BTM (Budaya Tempatan Makassar). BTM merupakan punca kandungan daripada ayat bahasa Inggeris (asas pengajaran) yang mengandungi struktur tatabahasa. BTM

adalah sumber bahan pembelajaran dalam menjalankan kaedah pengajaran konvensional.

2. Ayat

Ayat adalah sekumpulan kata-kata bermakna yang menyatakan pemikiran lengkap mengandungi tatabahasa (struktur ayat) berbentuk *Simple Present Tense*.

3. Tatabahasa

Tatabahasa merupakan satu sistem peraturan dalam penggunaan bahasa yang berkaitan dengan pengajaran tentang ilmu bentuk, sistem fonetik dan susunan perkataan dalam ayat. Ertinya bahawa tatabahasa adalah sains yang mengandungi satu kaedah tentang bagaimana membentuk perkataan-perkataan menjadi satu ayat daripada *Simple Present Tense* yang mempunyai makna. Tatabahasa memandu pelajar untuk membuat ayat dengan struktur tatabahasa yang benar.

4. Terjemahan

Terjemahan sebagai strategi pembelajaran kognitif untuk belajar bahasa Inggeris dalam kaedah terjemahan tatabahasa. Ia adalah satu aktiviti bertujuan untuk memudahkan proses komunikasi dengan menafsirkan maklumat sama ada dalam bentuk ayat dan teks bacaan bertulis dalam bahasa Inggeris (bahasa sasaran) ke dalam bahasa ibunda pelajar (bahasa Indonesia) dan sebaliknya. Terjemahan bertujuan untuk memberi kemudahan kepada pelajar belajar bahasa Inggeris.

5. Perbendaharaan Kata

Perbendaharaan kata merujuk kepada jenis perkataan yang pelajar mesti tahu untuk membaca teks yang semakin mencabar untuk difahamkan. Amnya perbendaharaan kata ditakrifkan sebagai pengetahuan tentang kata dan makna perkataan. Dalam kaedah terjemahan tatabahasa, perbendaharaan kata dibentangkan

dalam bentuk senarai merangkumi makna perkataan dalam kedua-dua bahasa Inggeris dan bahasa Indonesia.

6. Membaca

Membaca merupakan tumpuan kemahiran dalam proses P & P. Membaca adalah keupayaan pelajar membaca ayat dalam teks bacaan dengan pengucapan yang benar dan memahami jenis maklumat yang wujud dalam teks bacaan berkenaan merangkumi idea utama, ayat sokongan, perbendaharaan kata dalam konteks ayat, dan rujukan kata.

7. Pembelajaran Individu

Pembelajaran individu bermakna bahawa pelajar berurusan dengan bahan pelajaran dan menyelesaikan aktiviti pembelajaran secara bersendirian mengikut panduan guru. Apabila terdapat aktiviti pembelajaran yang tidak difahami, pelajar boleh juga membincangkan aktiviti pembelajaran berkenaan dengan pelajar lainnya secara individu.

8. Bahasa Indonesia dan Bahasa Inggeris

Bahasa Indonesia dan bahasa Inggeris adalah bahasa pengajaran dalam kaedah pengajaran terjemahan tatabahasa (kaedah pengajaran TT). Bagi pelajar, penggunaan bahasa Indonesia membantu mereka memahami dan mengetahui makna perkataan daripada bahasa sasaran (bahasa Inggeris). Seterusnya, Guru menggunakan bahasa Indonesia bagi menerangkan struktur ayat (tatabahasa) dan hanya sedikit menggunakan bahasa Inggeris.

1.12.4 Kefahaman Membaca Bahasa Inggeris

Kefahaman membaca ialah satu aktiviti yang bermatlamat untuk memahami mesej daripada teks khas (Williams, 1998). Kefahaman membaca mengandungi suatu perkara yang memerlukan pelajar untuk benar-benar mengetahui dan memahami kandungan daripada teks bacaan dengan melibatkan keupayaan pelajar untuk menganalisis idea utama, ayat sokongan, perbendaharaan kata dalam konteks ayat, dan rujukan kata.

1. Idea Utama

Idea utama ialah satu ayat yang terdapat dalam perenggan dan menggambarkan idea atau maksud umum pengarang (Sharpe, 2000; Benjamin, 2007; & Langan, 2008).

2. Ayat Sokongan

Ayat sokongan dalam perenggan berbentuk fakta, kenyataan, atau contoh khusus yang bermatlamat untuk membimbing pembaca supaya memiliki pemahaman yang penuh merangkumi pemahaman awal, pertengahan, dan akhir daripada teks kepada idea utama. Oleh itu, ayat sokongan atau dikenali juga sebagai butiran sokongan yang berada dalam perenggan bermatlamat sebagai penyokong dan pembangun idea utama (Langan & Jenkins, 1989; Benjamin, 2007).

3. Perbendaharaan Kata dalam Konteks Ayat

Konteks merupakan satu perkara yang menggambarkan perkataan dan ayat atau gabungan perbendaharaan kata dan tatabahasa yang mengelilingi perkataan tertentu. Ia boleh berbentuk ayat atau perenggan atau petikan dan mempunyai matlamat untuk membantu menyampaikan maksud daripada perkataan tersebut (Sharpe, 2000; Benjamin, 2007). Konteks dapat digunakan untuk memberi maksud daripada perbendaharaan kata atau perkataan yang tidak dikenali.

4. Rujukan Kata

Rujukan kata ialah satu aktiviti dalam pembelajaran kefahaman membaca yang memerlukan pelajar untuk memberi kata ganti diri kepada *antecedent*. Oleh itu, rujukan yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah kata ganti (*pronoun*). Kata ganti diri ini perlu seiring dengan *antecedent* dalam bentuk jumlah, orang dan jantina. *Antecedent* ialah perkataan atau frasa yang mana asal daripada kata ganti (Sharpe, 2000).

1.12.5 Masalah-Masalah Pelajar dalam Pembelajaran Kefahaman Membaca Bahasa Inggeris

Masalah-masalah pelajar dalam pembelajaran kefahaman membaca bahasa Inggeris adalah kesukaran yang dialami oleh pelajar dalam proses P & P kemahiran kefahaman membaca bahasa Inggeris. Kesukaran-kesukaran berkenaan diperolehi menerusi pemberian soalan temubual separa berstruktur kepada pelajar yang merangkumi (1) pendapat pelajar tentang pengajaran dan pembelajaran kefahaman membaca bahasa Inggeris secara am, (2) kesukaran dalam menentukan idea utama, ayat sokongan, perbendaharaan kata dalam konteks ayat, dan rujukan kata, (3) kesukaran yang lain pelajar hadapi selain kesukaran-kesukaran yang disebutkan dalam nombor 2, dan (4) cadangan penambahbaikan dalam pengajaran kefahaman membaca bahasa Inggeris.

1.12.6 Prestasi Kefahaman Membaca Bahasa Inggeris

Prestasi kefahaman membaca bahasa Inggeris (PKMBI) adalah pencapaian keupayan kefahaman membaca pelajar bagi menentukan idea utama, ayat sokongan, makna perbendaharaan kata dalam konteks ayat, dan rujukan kata. Prestasi berkenaan berbentuk markah yang diperolehi pelajar melalui ujian pos kefahaman

membaca bahasa Inggeris selepas diajar dengan menggunakan kaedah pengajaran konvensional (TT) dan kaedah pengajaran PBT.

1.12.7 Sekolah Menengah Pertama Kebangsaan

Sekolah Menengah Pertama (SMP) Kebangsaan merupakan tahap pertama dalam sekolah menengah yang terdiri daripada tiga peringkat yang biasa dikenali dengan kelas 7, kelas 8 dan kelas 9. Pelajar yang berada di peringkat ini berusia sekitar 13 tahun (kelas 7), 14 tahun (kelas 8), 15 tahun (kelas 9), dan telah menamatkan Sekolah Dasar (Sekolah Rendah) selama 6 tahun (Depdiknas, 2003).

1.12.8 Pelajar SMP

Pelajar kelas 9 dan berusia 15 tahun. Mereka belajar di Sekolah Menengah Pertama Kebangsaan 13 Makassar, Bandar Makassar, Negeri Sulawesi Selatan.

1.12.9 Kurikulum Tingkat Satuan Pendidikan

Kurikulum Tingkat Satuan Pendidikan (KTSP) adalah kurikulum seragam pada peringkat sekolah menengah pertama (SMP) di Indonesia yang mengandungi sukatan pelajaran dan merupakan panduan untuk membangunkan bahan pelajaran. Amnya, ruang lingkup mata pelajaran bahasa Inggeris di SMP merangkumi empat kemahiran berbahasa iaitu mendengar, bertutur, membaca, dan menulis. Pengajaran kefahaman membaca dijalankan menerusi penggunaan jenis teks pendek berbentuk prosedur dan aktiviti pelajar bagi menentukan idea utama, ayat sokongan, makna perbendaharaan kata dalam konteks ayat, dan rujukan kata (BSNP, 2006).

1.13 Penutup

Bab ini menjelaskan sebab-sebab mengapa kajian dijalankan, menyediakan hujah-hujah mengapa kajian ini penting bagi bidang pengajaran bahasa Inggeris dalam konteks Indonesia, khususnya di Makassar. Persoalan kajian dibentangkan untuk mencapai objektif kajian. Seterusnya, bab 2 menghuraikan tentang tinjauan literatur merangkumi di antaranya penjelasan definisi yang berbeza berkaitan dengan kaedah pengajaran berasaskan kandungan (content-based instruction method), model kaedah pengajaran bahasa Inggeris dan cadangan model kaedah pengajaran berasaskan tema (PBT) bagi kajian ini, dengan hujah-hujah mengapa model kaedah pengajaran berkenaan yang dipilih. Selain itu, kajian lepas tentang pengajaran dan pembelajaran bahasa Inggeris dibincangkan untuk menyokong pelaksanaan kajian. Bab 3 mengandungi penjelasan metodologi kajian dan bab 4 menjelaskan tentang analisis data dan keputusan kajian. Akhir sekali adalah bab 5 yang memberi penerangan tentang rumusan, perbincangan dan cadangan kajian seterusnya.

RUJUKAN

- Abadikhah, Shirin, dan Ahangar, Zohreh. (2015). Effectiveness of Integrating Content and Language Instruction in an EFL Context. *Journal of Language Studies*. Vol 15 (1), 39-55.
- Abebersold, J. and Field, M. (1997). *From Reader to Reading Teacher*: New York: Cambridge University Press
- Ahmad Johari Bin Sihes. (2009). *Konsep Pengajaran Pensyarah dan Kaitannya Terhadap Pendekatan Pembelajaran Pelajar*. Tesis Doktor Falsafah. Malaysia: Universiti Teknologi Malaysia
- Ahmad Johari Bin Sihes dan Sopiah Binti Marjuki. (2010). Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Pembelajaran Menggunakan Bahasa Inggeris Pelajar Tahun Satu Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia. Retrieved December, 14, 2014, from eprints.utm.my/.../FaktorFaktor-Faktor_Yang_Mempe...
- Alhojailan, Mohammed Ibrahim. (2012). Thematic Analysis: A Critical Review of Its Process and Evaluation. *West East Journal of Social Sciences*. Vol. 1 (1), 39-47
- Allwright, R. L. (1990). What Do We Want Teaching Materials For? In R. Rossner & R. Bolitho (Eds.). *Currents in Language Teaching*. Oxford University Press.
- Alptekin, C., Ercetin, G., dan Bayyurt, Y. (2007). The Effectiveness of a Theme-Based Syllabus for Young L2 Learners. *Journal of Multilingual and Multicultural Development*. Vol. 28, 1-17.
- Alvermann, D. E., dan Phelps, S. F. (2002). *Content Reading and Literacy: Succeeding in Today's Diverse Classrooms*. (3rd ed.). Boston: Allyn and Bacon.
- Alwasilah, A. C. (2001). *Language, Culture, and Education: A Portrait of Contemporary Indonesia*. Bandung, Indonesia: CV. Andira.

- Amiri, M., & Fatemi, A. H. (2014). The Impact of Content – Based Instruction on Student Achievement in ESP Course and Their Language Learning Orientation. *Theory and Practice in Language Studies*. Vol. 4 (10), 2157-2167.
- Angreni, K. P., Marhaeni, A. A. I.N., dan Dantes, G. R. (2013). Pengaruh Strategi Directed Reading Thinking Activity (DRTA) Terhadap Sikap Sosial dan Kemampuan Membaca Pemahaman Bahasa Inggris Siswa Kelas 8 SMP Dharma Wiweka Denpasar. *e-Journal Program Pascasarjana Universitas Pendidikan Ganesha Program Studi Pendidikan Dasar*. Vol. 3,1-11
